



● BIL 285 ● 25 - 31 OKTOBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



WILAYAH PERSEKUTUAN TERUS MEMBUGAR

➤➤ 2-5

Makin ramai
bercerai muda
➤➤ 9-11

Menilai ulasan
Belanjawan 2025
➤➤ 19

Lembaran Labuan
baharu bermula
➤➤ 20

KUKUH KESEJAHTERAAN EKONOMI, SOSIAL

METRA SYAHRIL MOHAMED

PELABURAN dalam infrastruktur, keselamatan serta kesejahteraan masyarakat di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan penting untuk memastikan peranannya sebagai nadi pembangunan negara.

Penganalisis Perancangan Bandar dari Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Mohammad Mujaheed Hassan** berkata Belanjawan 2025 yang disusun dengan pengkhususan kepada Wilayah Persekutuan mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan kesejahteraan ekonomi dan sosial warganya.

Menurut beliau, Wilayah Persekutuan diharapkan terdiri daripada warga yang pelbagai latar belakang termasuk golongan profesional, peniaga kecil dan pekerja mahir.

"Keberadaan pelbagai kemahiran dan pengalaman dalam kalangan penduduk ini akan menyokong daya saing ekonomi, di mana setiap individu mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan negara.

"Ruang lingkup ekonomi di Wilayah Persekutuan perlu memberi tumpuan kepada sektor berasaskan pengetahuan dan inovasi. Penglibatan universiti, pusat penyelidikan dan industri dalam menghasilkan inovasi adalah kunci untuk menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan berkualiti.

"Dalam hal ini, mempromosikan ekosistem *startup* dan teknologi digital merupakan langkah penting untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan relevan dalam menghadapi cabaran masa depan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata, selanjutnya Wilayah Persekutuan harus menjadi tempat yang mesra bagi peniaga kecil dan sederhana.

Katanya, dengan inisiatif seperti penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang baik untuk peniaga dan peniaga kecil, ruang lingkup ini akan memberi peluang kepada mereka untuk berkembang dan menyumbang kepada ekonomi tempatan.

"Sokongan kerajaan dalam bentuk pembiayaan, bimbingan, dan latihan juga sangat penting untuk pertumbuhan perniagaan ini kerana ia membantu peniaga kecil dalam mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi.

"Warga yang sihat dan sejahtera merupakan nadi bagi ekonomi yang berdaya saing. Dengan perhatian



RUANG lingkup Wilayah Persekutuan perlu dilengkapi dengan infrastruktur yang berkesan dan moden termasuk sistem pengangkutan awam yang efisien.

terhadap nutrisi, pendidikan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan, Wilayah Persekutuan dapat melahirkan generasi yang mampu menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

"Program bantuan sosial dan pendidikan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat, sekali gus mempengaruhi prestasi ekonomi secara keseluruhan," katanya.

Beliau menambah, ruang lingkup Wilayah Persekutuan juga perlu dilengkapi dengan infrastruktur yang berkesan dan moden termasuk sistem pengangkutan awam yang efisien dan kemudahan awam yang selesa.

Jelasnya, penyediaan infrastruktur yang baik bukan sahaja memastikan mobiliti penduduk yang lancar tetapi juga menarik pelaburan dan meningkatkan akses kepada peluang ekonomi yang lebih luas.

"Peruntukan RM100 juta untuk peniaga dan peniaga kecil melalui Belanjawan 2025 menunjukkan langkah proaktif kerajaan dalam mengiktiraf dan memperkukuh peranan golongan ini dalam masyarakat. Di sini menunjukkan bahawa kerajaan menyokong ekonomi tempatan.



"Penjaja dan peniaga kecil merupakan komponen penting dalam ekonomi tempatan. Mereka bukan sahaja menyediakan pekerjaan kepada masyarakat setempat tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

"Sebagai contoh, di kawasan-kawasan yang padat penduduk seperti Petaling Street dan Jalan Alor, penjaja kecil menawarkan pelbagai pilihan makanan dan barangan, menjadikannya pusat tumpuan bagi penduduk dan pelancong. Dengan peruntukan khas ini, penjaja dapat memperluas operasi mereka, meningkatkan kualiti produk dan seterusnya menarik lebih banyak pelanggan," katanya.

Tambahnya, di banyak negara, kulinari jalanan menjadi simbol budaya dan identiti seperti di Bangkok, makanan jalanan bukan sahaja menjadi tarikan pelancong tetapi juga merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian penduduk tempatan.

"Jika Kuala Lumpur dapat mengembangkan sektor kulinari jalanan dengan lebih baik, ini akan membantu memperkayakan identiti budaya dan menjadi daya tarikan pelancong," katanya.

Dalam perkembangan lain jelasnya, mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap isu keselamatan di Kuala Lumpur, terutamanya berkaitan dengan masalah lubang benam dan tanah jerlus, memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan efektif.

"Lubang benam dan tanah jerlus adalah fenomena serius yang bukan sahaja menjejaskan keselamatan fizikal infrastruktur, tetapi juga keyakinan warga kota dan pelancong terhadap integriti keselamatan bandar.

"Langkah kerajaan untuk memperuntukkan RM10 juta bagi melaksanakan Kajian Geoteknikal Struktur Lapisan Tanah di jalan-jalan utama Kuala Lumpur adalah satu tindakan yang bijak dan bertepatan pada masanya.

"Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam struktur lapisan tanah dan mengenal pasti kawasan berisiko tinggi untuk berlakunya tanah jerlus. Data dan maklumat yang diperoleh daripada kajian ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan pencegahan dan pembaikan yang lebih terarah dan sekali gus meminimumkan kejadian yang tidak diingini di masa hadapan," katanya.

Tambahnya apabila isu keselamatan infrastruktur seperti ini diberi perhatian yang sewajarnya, keyakinan orang ramai, terutamanya warga tempatan yang menggunakan kemudahan awam setiap hari akan kembali pulih. 

Baiki lif rosak di WP

PERUNTUKAN RM200 juta untuk membaiki lif rosak di perumahan kos rendah dan sederhana awam di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur amatlah disambut baik, kata Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin**.

Beliau berkata peruntukan itu sebelum ini tidak dapat digunakan untuk Wilayah Persekutuan yang sangat memerlukan untuk membaiki lif yang rosak.

"Saya rasa kita tertinggal sebelum ini di Wilayah Persekutuan, lebih lagi ibu kota. Peruntukan sebanyak RM200 juta kepada rumah kos rendah dulu tidak termasuk Wilayah Persekutuan tetapi diberikan kepada negeri-negeri lain.

"Tetapi kali ini peruntukan tersebut untuk seluruh negara termasuk Wilayah Persekutuan yang merupakan paling kronik dan kritikal bagi membaiki lif rosak di perumahan kos rendah," katanya.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat mengumumkan peruntukan RM200 juta untuk membaiki lif yang rosak di perumahan awam kos rendah.

Kerajaan MADANI meletakkan keutamaan memastikan kesejahteraan perumahan mampu milik untuk rakyat serta dalam masa sama terus menggembleng usaha memastikan persekitaran Program Perumahan Rakyat (PPR) dan komuniti perumahan menjadi lebih manusiawi.

Belanjawan 2025 meluluskan 14 inisiatif kewangan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), termasuk RM200 juta untuk penyelenggaraan perumahan awam kos rendah.

Dalam pada itu, Azman berkata peruntukan itu dilihat merupakan satu keperluan utama bagi menyelesaikan masalah dihadapi di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata banyak lif-lif perumahan kos rendah tidak dapat diselenggara sebelum ini kerana tiada peruntukan mencukupi.

"Sebelum ini peruntukan RM100 juta bagi Wilayah Persekutuan tidak boleh digunakan. Negeri lain boleh guna peruntukan itu sebelum ini. Kali ini semua negeri boleh menggunakan peruntukan RM200 juta yang diberikan kerajaan," katanya.

Azman mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas keprihatinannya dalam menyelesaikan masalah dihadapi itu.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri atas keprihatinan beliau," katanya. 

PERLU MANFAAT INISIATIF

AZLAN ZAMBRY

BELANJAWAN 2025 merupakan satu usaha yang menekankan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh ekonomi negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui langkah-langkah inklusif dan progresif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pihaknya menyambut baik Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 18 Oktober 2024.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Anwar atas pengumuman tiga inisiatif penting yang telah diperuntukkan kepada Wilayah Persekutuan.


"Pertamanya, peruntukan sebanyak RM11 juta untuk memasang 180 unit kamera litar tertutup (CCTV) dan 45 butang panik di Putrajaya dan Labuan bagi meningkatkan keselamatan awam di kedua-dua wilayah tersebut.

"Keduanya adalah peruntukan sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan Kajian Geoteknik Struktur Tanah di Segi Tiga Emas Kuala Lumpur untuk mencegah insiden lubang benam seperti yang berlaku di Jalan Masjid India baru-baru ini.

"Ketiga, peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membina dan membaiki pulih prasarana awam di seluruh negara di mana Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) akan menerima RM5 juta daripada peruntukan tersebut di bawah program Lestari Niaga @ Wilayah Persekutuan.

"Ia bagi menaik taraf kemudahan perniagaan di Kuala Lumpur dan Labuan sekali gus meningkatkan kebersihan dan kesejahteraan peniaga serta pengunjung," ujar beliau kepada Wilayahku pada Rabu.

Katanya, pihak JWP turut menyambut baik pengumuman peruntukan kepada kementerian



atau agensi lain dalam Belanjawan 2025 yang akan turut memberi manfaat kepada rakyat di Wilayah Persekutuan.

"Antaranya adalah kerja-kerja pembersihan longkang dan pengorekan sungai di kawasan bandar terjejas termasuk Kuala Lumpur bagi menangani risiko banjir.

"Penambahan lorong-lorong khas di Jalan Ipoh, Jalan Cheras dan Jalan Gombak sepanjang 47 kilometer (KM) serta penambahbaikan terhadap 100 hentian bas di Lembah Klang dengan kerjasama sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," katanya.

Menurut Zaliha, dalam aspek

sosioekonomi rakyat, kerajaan melaksanakan inisiatif penyediaan kemudahan van sekolah bagi pelajar yang menggunakan perkhidmatan tren khususnya di LRT Sri Rampai dan LRT Melati dengan kadar tambang hanya RM0.50 sen sehalu.

"Selain itu, peningkatan kadar bantuan am kepada RM150 dengan had maksimum RM500 sekeluarga setiap bulan turut diumumkan bagi membantu golongan rentan dan melaksanakan program peningkatan nutrisi anak-anak di Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Klang bagi menangani isu malpemakanan serta menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan lif usang di rumah strata kos rendah dan sederhana.

"Kerajaan juga berusaha untuk mempergiat aktiviti ekonomi seperti perusahaan makanan menggunakan platform Dapur Digital oleh Pepper Labs.

"Selain itu, projek pemasangan

solar di ruang bumbung pejalan kaki sepanjang hampir lima kilometer dan tempat parkir kereta di Putrajaya.

"Kerajaan turut memperuntukkan untuk menanggung sehingga 70 peratus caruman pekerja melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)," kata beliau.

Zaliha berkata menuju kepada Tahun Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026, JWP turut menghargai peruntukan khas sebanyak RM600 juta bagi pemulihan bangunan ikonik bersejarah milik negara.

"Peruntukan tersebut akan digunakan untuk pemulihan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara. Selain itu, peruntukan itu akan dimanfaatkan untuk pembinaan jambatan bertingkat yang menghubungkan Taman Botani Perdana dengan Carcosa Seri Negara melalui

inisiatif Kuala Lumpur Creative and Cultural District (KLCCD) yang mana jawatankuasanya dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II dan saya sendiri," ujar beliau.

Dalam pada itu, Zaliha berkata seiring dengan usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, JWP akan terus melaksanakan program-program di bawah Pelan Hala Tuju Wilayah Persekutuan seperti Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang telah terbukti berkesan dalam membantu golongan miskin tegar keluar daripada kitaran kemiskinan.

"Dengan kerjasama erat daripada semua pihak, kita mampu menjayakan matlamat pembangunan yang inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat khususnya dalam mencapai visi Wilayah Persekutuan sebagai Bandar CHASE (Clean, Healthy, Advanced, Safe dan Eco-friendly)," katanya.

Tangani isu belia serta perumahan

DASAR perumahan belia semasa di negara ini, walaupun dengan niat yang baik, tidak sepenuhnya menangani isu asas berkaitan kemampuan memiliki rumah dan akses saksama terhadap pemilikan rumah bagi golongan muda.

Perkara itu ditegaskan pakar perumahan, **Profesor Madya Dr Mohd Zairul Mohd Noor** yang melihat inisiatif yang diperkenalkan terutamanya mengenai peningkatan gaji minimum dan pengembangan skim perumahan dalam Belanjawan 2025 memberikan asas yang baik.

Namun katanya terdapat masalah berterusan yang memerlukan pendekatan yang lebih disasarkan untuk memastikan golongan muda dapat memiliki dan mengekalkan rumah pertama mereka sambil membendung amalan penyewaan *sublet* yang

semakin berleluasa.

Sublet merujuk kepada seorang penyewa menyewakan rumah sewa mereka kepada individu lain sementara mereka masih lagi berada di dalam perjanjian bersama-sama tuan rumah sewa tersebut.

"Salah satu cabaran utama adalah memastikan akses kepada perumahan untuk belia dan pembeli rumah kali pertama. Masalah kemampuan masih menjadi kebimbangan utama dengan harga hartanah yang sering melebihi pertumbuhan pendapatan golongan profesional muda.

"Kajian mengenai kemampuan perumahan menunjukkan walaupun pelbagai dasar perumahan mampu milik diperkenalkan, masih terdapat

ketidakepadanan yang ketara antara penawaran perumahan mampu milik dan kemampuan golongan berpendapatan rendah serta belia untuk mendapatkan pembiayaan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau menambah bagi meningkatkan ekuiti, Malaysia boleh meneroka model ekuiti-perkongsian atau pemilikan progresif.

Katanya model-model ini membolehkan pembeli muda membeli sebahagian daripada

hartanah sambil menyewa bahagian selebihnya daripada badan perumahan awam atau pemaju swasta.

"Dari semasa ke semasa, apabila situasi kewangan mereka bertambah baik, mereka boleh meningkatkan pemilikan hartanah mereka secara beransur-ansur. Pendekatan ini telah berjaya di United Kingdom dan Australia, memberikan fleksibiliti kepada pembeli muda tanpa memaksa mereka ke dalam tekanan kewangan jangka panjang," jelasnya.

Katanya selain itu memperkenalkan skim sewa-milik yang khusus menyasarkan golongan muda boleh menyediakan jalan alternatif kepada pemilikan rumah.

"Kerajaan boleh bekerjasama dengan pemaju dan institusi

kewangan untuk mewujudkan program sewa-milik yang lebih tersusun dan telus.

"Satu lagi penyelesaian inovatif adalah dengan mempromosikan koperasi perumahan belia, yang boleh menawarkan laluan yang lebih komunal dan mampu milik kepada pemilikan rumah.

"Koperasi telah terbukti berkesan di negara seperti Jerman dan Denmark, menyediakan kestabilan jangka panjang dan mencegah amalan spekulatif seperti penyewaan *sublet*, kerana semua keputusan dibuat oleh ahli koperasi itu sendiri.

"Akhir sekali meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan belia adalah penting untuk memastikan mereka bersedia untuk tanggungjawab pemilikan rumah," tambahnya.



MOHD ZAIRUL



KERAJAAN sentiasa mengambil inisiatif membantu golongan berpendapatan rendah bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa.

DALAM berdepan dengan pelbagai situasi yang tidak menentu bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terus terbela, melalui pembentukan Belanjawan 2025 kita dapat menyaksikan kesungguhan kerajaan dalam terus membantu rakyat untuk berdepan pelbagai situasi dan keadaan agar kesejahteraan, kestabilan dan keamanan terus dapat dikekalkan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Umumnya mengetahui bahawa berbanding bajet yang pernah dibentangkan sebelum ini, Belanjawan 2025 merupakan bajet terbesar dalam sejarah negara dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM421 bilion. Bajet yang disusun ini mengambil kira kerangka Ekonomi MADANI yang telah digariskan oleh pihak kerajaan khususnya dalam membela nasib rakyat dan memastikan kesejahteraan warga di semua peringkat.

Ini jelas dalam ucapan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan langkah-langkah yang diambil beliau selama dua tahun ini.

Pengumuman jumlah RM421 bilion ini sama sekali menunjukkan kesungguhan dan iltizam kerajaan memastikan setiap peruntukan itu akan disalurkan kepada sektor-sektor strategik seperti teknologi hijau dan pembangunan industri.

Ini selaras dengan pelan strategik sedia ada yang menekankan usaha daya cipta dan budaya inovatif yang akan membantu mereformasi pemikiran inovatif masyarakat dalam berdepan cabaran teknologi semasa terutamanya teknologi kecerdasan buatan yang membuka peluang baharu dan luas kepada sektor-sektor penting dalam negara ini.

Langkah diambil ini bakal memanfaatkan guna tenaga baharu dalam bidang kepakaran sedia ada yang memfokuskan kepada pembuatan, inovasi dan daya cipta yang boleh diterokai dan

MERINGAN BEBAN RAKYAT



dimanfaatkan oleh semua pihak.

Menyedari bahawa isu kos sara hidup, langkah yang diambil oleh kerajaan dalam bajet kali ini agak berbeza dengan bajet sebelumnya. Kita tidak boleh lagi melihat ke belakang untuk mengurus dan berdepan dengan cabaran masa hadapan yang lebih kompleks dan tidak menentu. Kerangka pemikiran yang lebih luas dan konkrit serta menuntut pemikiran rasional yang mengambil kira pelbagai aspek ekonomi, teknologi dan keadaan geopolitik perlu diambil kira dalam membuat sesuatu pertimbangan.

INISIATIF SUBSIDI BERSASAR

KEYAKINAN kerajaan terutama dalam melindungi rakyat yang menjadi mangsa manipulasi harga akibat monopoli dan kartel dalam sektor-sektor makanan, perumahan dan pengangkutan perlu ditangani dengan lebih bijak dan dinamik. Salah satu aspek yang akan menentukan kawalan harga yang lebih stabil dan seimbang adalah melalui inisiatif-inisiatif subsidi bersasar yang akan menjadi cabaran kepada pihak kerajaan dalam memastikan usaha ini benar-benar memberi manfaat terutamanya mereka yang berada

dalam kelompok berpendapatan rendah dan sederhana.

Seperti mana yang dijelaskan tadi, minda baharu perlu dibentuk dan langkah ini hanya boleh dijemakan dengan memastikan sistem penyampaian maklumat benar-benar difahami dan diyakini rakyat.

Antaranya adalah pengenalan cukai dividen bagi individu yang memperoleh pendapatan dividen melebihi RM100,000 setahun. Cukai ini dikenakan pada kadar dua peratus, namun terdapat pengecualian bagi dividen luar negara dan dividen yang dibayar oleh syarikat yang mempunyai insentif cukai tertentu.

Langkah ini diambil bagi memastikan golongan kaya menyumbang kepada kesejahteraan negara tanpa membebaskan golongan berpendapatan rendah. Hasil daripada cukai ini akan digunakan untuk membiayai program pembangunan sosial dan ekonomi yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Ini menjadi landskap baharu bagi masyarakat kita dan model ini sebagai lembaran terkini yang akan memberikan satu manifestasi keadilan dan kesejahteraan bersama. Golongan kaya turut sama akan memikirkan bagaimana langkah ini perlu digemblangkan dan akhirnya aspek insaniah dan kesyukuran yang ingin dijemakan oleh kerajaan dapat direalisasikan.

Dalam setiap pembentangan

Bajet, golongan B40 tidak pernah dilupakan dan diabaikan, Belanjawan 2025 memperuntukkan pelbagai bantuan kewangan dan sokongan sosial yang signifikan untuk membantu golongan berpendapatan rendah, terutamanya kumpulan B40, yang terus menghadapi cabaran besar akibat peningkatan kos sara hidup.

Jaringan keselamatan sosial dan ekonomi kumpulan ini sentiasa menjadi fokus utama kerajaan. Penambahan tunai dalam Bantuan Tunai Rahmah setiap tahun membuktikan kedudukan kewangan negara semakin pulih setelah diasak oleh pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi. Bantuan ini sedikit sebanyak akan mengurangkan beban kewangan dan meringan usaha mereka dalam berdepan kelangsungan hidup.

Dalam masa yang sama, pelbagai inisiatif lain turut akan dilaksanakan dalam memperkasakan kumpulan ini. Kemampuan dan daya cipta kumpulan ini perlu dilonjakkan melalui inisiatif-inisiatif di bawah pelbagai agensi sama ada di peringkat persekutuan dan negeri.

KEBERSAMAAN PENDIDIKAN

MUNGKIN langkah terkini kerajaan dalam memastikan jurang pendidikan dapat ditutup di antara golongan kaya dan golongan miskin boleh direalisasikan bersama. Aspek pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan tinggi sentiasa menjadi keutamaan kerajaan. Hasrat kerajaan untuk memastikan jurang pendidikan yang wujud disebabkan oleh kekangan kewangan dapat dikurangkan melalui usaha penambahan biasiswa dan bantuan.

Kewangan dapat dilonjakkan menerusi tingkat pendapatan yang berbeza. Keadilan pendidikan penting bagi mencelikkan golongan atasan bahawa dari segi aspek kemampuan, kita perlu memfokuskan kepada golongan bawahan yang memerlukan.

Ini menjadi satu keunikan dan keistimewaan yang akan diwarisi generasi demi generasi melalui sifat kebersamaan dan kesejahteraan sosial. Diharapkan usaha ini tidak menimbulkan kekusaran dan kegelisahan sehinggakan ada suara-suara yang menolak usaha ini secara diam-diam.

Inisiatif lain yang penting dalam Belanjawan 2025 ialah peningkatan akses kepada perkhidmatan kesihatan, yang merupakan aspek kritikal bagi golongan B40 mendapatkan rawatan berkualiti. Kekangan kewangan menjadi penghalang utama mereka untuk mengakses rawatan komprehensif dan berterusan, terutamanya dalam menangani penyakit kronik atau mendapatkan rawatan di fasiliti swasta yang menawarkan perkhidmatan lebih pantas.

Menyedari hakikat ini, Belanjawan 2025 memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan semua rakyat Malaysia, khususnya golongan B40, mempunyai akses kepada rawatan kesihatan yang mampu milik dan berkualiti.

Keseluruhannya, Belanjawan 2025 mencerminkan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia melalui prinsip Ekonomi MADANI, yang menekankan kesejahteraan, kemampuan dan inklusiviti. Bajet ini bukan sekadar sebuah rancangan kewangan tetapi satu usaha holistik untuk membina masa depan yang lebih makmur dan sejahtera bagi negara juga rakyatnya. Dengan komitmen ini, kerajaan menzahirkan harapan bahawa setiap lapisan masyarakat dapat merasakan impak positif daripada langkah-langkah yang telah direncanakan.

RENCANA ini berdasarkan pandangan Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi Fakultas Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam, Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar @ Saabar.

AZLAN ZAMBRU

PEMBENTANGAN Belanjawan 2025 secara jelas memperlihatkan visi Malaysia untuk bangkit dan mencerdaskan ekonomi selain menggarap perubahan dinamik demi kesejahteraan rakyatnya. Bakal mengambil alih Kepengerusian Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 2025, Belanjawan 2025 yang mengangkat tema Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahterakan Rakyat menterjemahkan agenda nasional khususnya di Wilayah Persekutuan (WP) sebagai satu anjakan untuk meningkatkan imej Malaysia.

Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi dan sosial. Sebagai pusat bandar Malaysia, Wilayah Persekutuan bakal memperoleh keuntungan yang ketara daripada fokus Belanjawan 2025 untuk menggiatkan semula sektor ekonomi, meningkatkan infrastruktur dan menggalakkan keterangkuman serta mampan.

Dapat dilihat Belanjawan 2025 untuk meningkatkan daya tahan ekonomi. Kuala Lumpur sebagai ibu kota berfungsi sebagai hab utama untuk perdagangan, kewangan dan pelancongan. Bajet 2025 memperuntukkan dana yang besar untuk menambah baik persekitaran perniagaan di Wilayah Persekutuan, menekankan penciptaan pekerjaan baharu dan sokongan kepada usahawan.

Satu ciri yang ketara ialah peningkatan infrastruktur digital dengan dorongan ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar pintar. Pelaburan dalam Internet berkelajuan tinggi dan perkhidmatan digital dijangka meningkatkan e-dagang dan permulaan teknologi, menyumbang kepada daya tahan bandar dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi.

Meskipun tragedi yang menimpa seorang wanita warga India, Vijaya Lakshmi yang dilaporkan hilang selepas lapan meter akibat kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India pada 23 Ogos lalu menjadi satu peringatan bahawa keselamatan di ibu negara tidak sekadar kurangnya kadar jenayah, bahkan faktor alam sekitar perlu diambil kira. Rentetan itu, Kerajaan mengumumkan peruntukan RM10 juta diluluskan bagi melaksanakan Kajian Geoteknik Struktur Lapisan Tanah di jalan-jalan utama sekitar segi tiga emas Kuala Lumpur. Dengan peruntukan tersebut, ia akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko dan tindakan susulan akan dapat diambil lebih awal.

RANGKUM ASPEK SOSIOEKONOMI

PERLU diakui, Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan tulang belakang ekonomi Wilayah Persekutuan. Belanjawan 2025 memperkenalkan inisiatif untuk menyediakan PKS akses yang lebih besar kepada pembiayaan, peningkatan teknologi dan insentif untuk pendigitalan.



D'ANJUNG Selera Madani Jalan Jujur, Bandar Tun Razak kini berwajah baharu dengan fasiliti yang lebih moden di bawah Program Lestari@Niaga Kuala Lumpur.

WP PACU PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA NEGARA



Langkah-langkah ini bukan sahaja akan membantu perniagaan pulih daripada gangguan yang disebabkan oleh pandemik tetapi juga meletakkan asas untuk pertumbuhan jangka panjang. Dengan pengembangan skim pembiayaan PKS, pemilik perniagaan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan mempunyai lebih banyak peluang untuk meningkatkan operasi mereka dan mewujudkan pekerjaan.

Sejak mengambil tampuk pentadbiran kerajaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih gemar berhubung dengan gerai-gerai sekitar Lembah Klang untuk menjamu selera selain dapat berinteraksi secara langsung dengan rakyat jelata. Rentetan daripada aktiviti berkenaan, beliau berikrar tidak akan membangunkan bangunan pencakar langit yang boleh menjadi mercu tanda negara, bahkan menasaskan untuk membaik pulih warung-warung dan gerai-gerai penjaja demi memberikan keselesaan kepada peniaga kecil menjalankan aktiviti harian.

Menerusi Program Lestari Niaga@ Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), perubahan terhadap gerai-gerai di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menampilkan perubahan yang signifikan termasuklah kemudahan serba baru, selesa serta menarik untuk peniaga dan pengunjung.

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100

juta untuk membina gerai-gerai dan baik pulih prasarana awam seluruh negara. Dengan peruntukan yang sama, kerajaan akan menyediakan ruang niaga kepada penjaja kecil Tamu Desa Sabah & Sarawak serta menaik taraf kemudahan perniagaan di bawah DBKL dan MARA.

Selaras dengan strategi pembaharuan bandar, bajet itu termasuk pelan komprehensif untuk menggiatkan semula infrastruktur yang semakin tua di Wilayah Persekutuan. Salah satu bidang tumpuan utama ialah rumah mampu milik.

TEPATI KONSEP CHASE CITY

SELARI dengan misi utama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Zaliha Mustafa yang turut mencetuskan idea CHASE City untuk ketiga-tiga wilayah, penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur yang memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan turut diberikan keutamaan termasuklah sebanyak 100 hentian bas di Lembah Klang akan ditambah baik dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan swasta.

Sebanyak 180 kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi dan 45 butang panik juga akan dipasang di Putrajaya dan Labuan bagi meningkatkan tahap keselamatan.

Menepati kerangka Malaysia MADANI yang menekankan ciri ihsan dalam soal pengangkutan yang menjadi nadi ekonomi rakyat jelata, sebanyak RM7 juta diperuntukkan untuk diskaun tambang feri Labuan. Kerajaan juga meneruskan perkhidmatan bas di Putrajaya dengan peruntukan RM4.5 juta.

Semestinya, falsafah Malaysia MADANI yang menjadi asas

utama pembangunan rakyat yang termasuk dalam golongan miskin bandar serta golongan rentan yang lain tidak sama sekali dilupakan. Kerajaan melaksanakan program Bantuan Van Sekolah dengan caj minimum untuk anak-anak ke sekolah dari stesen tren terpilih dengan bayaran RM0.50 sehala. Sebagai permulaan, stesen yang terlibat adalah LRT Sri Rampai dan LRT Melati di Kuala Lumpur.

Di sebalik ikrar tidak akan membiarkan golongan rentan dan

miskin bandar dipinggirkan, inisiatif untuk meningkatkan nutrisi anak-anak yang mendiami Program Perumahan Rakyat (PPR) khususnya di Kuala Lumpur dan Lembah Klang diperkenalkan.

Dengan suntikan dana RM5 juta bagi menangani isu malpemakanan dalam kalangan anak-anak PPR, projek ini akan memberikan bantuan pemakanan sihat untuk generasi masa depan negara yang sebelum ini diabaikan tidak memperoleh nutrisi yang secukupnya. 📺



KEMUDAHAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL



RM100 JUTA

- Bina gerai-gerai dan baik pulih prasarana awam di PBT seluruh negara
- Sediakan ruang niaga kepada penjaja kecil Tamu Desa Sabah & Sarawak
- Naik taraf kemudahan perniagaan di bawah DBKL & MARA

www.jwp.gov.my | Jabatan Wilayah Persekutuan | @jwp.my

Dituduh sengaja ingin mewajibkan vaksin

PINDAAN CEGAH WABAK

PELBAGAI tuduhan tidak berasas dilemparkan kepada kerajaan hanya kerana Dewan Rakyat baru-baru ini meluluskan pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan negara dalam menangani ancaman penyakit berjangkit.

Tanpa mengetahui dengan lebih lanjut, ramai yang mengandaikan perkara bukan-bukan sehingga menuduh pihak kerajaan sengaja ingin memendekkan usia rakyat dengan memaksa mendapatkan suntikan vaksin yang tidak selamat.

Mungkinkah ramai yang sudah lupa bagaimana keadaan ketika wabak COVID-19 melanda negara pada tahun 2020? Sudah tentulah kerajaan sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan untuk menangani wabak utama dalam dekad ini.

Memetik Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, pakej pindaan itu akan membolehkan pencegahan dan kawalan penyakit yang lebih cekap dan berkesan.

Ia sekali gus menjadi asas penguatkuasaan yang mantap bagi menghadapi sebarang wabak atau pandemik penyakit berjangkit pada masa hadapan.

"Bagi menangani cabaran-cabaran yang timbul dengan berkesan, pindaan-pindaan ini dikemukakan untuk mengemas kini dan menutup kelompongan (lacuna) dalam kerangka perundangan negara sedia ada agar selari dengan keperluan semasa," katanya pada sidang media



KKM telah mengenal pasti beberapa keperluan mendesak sewaktu menangani beberapa wabak utama antaranya pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020.

di Parlimen, baru-baru ini.

Sebelum itu, RUU berkenaan diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas bacaan kali ketiga oleh beliau dan dibahaskan 24 Ahli Parlimen.

Tambah beliau penguatkuasaan pindaan baharu Akta 342 itu akan melibatkan beberapa aspek antaranya peruntukan yang melibatkan notifikasi untuk penyakit berjangkit termasuk kes-kes yang disyaki, pengasingan atau pengawasan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki.

Katanya, ia juga membabitkan

peruntukan yang melibatkan langkah-langkah bagi maksud pengesanan dan pemantauan selain peruntukan yang melibatkan arahan Ketua Pengarah Kesihatan dan kuasa penguatkuasaan.

Ia termasuk menjalankan penyiasatan, menghendaki maklumat berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit, serta pendakwaan dengan izin Pendakwa Raya.

"Penguatkuasaan pindaan peruntukan juga melibatkan kadar Penalti Am dan kadar kompaun baharu bagi individu dan pertubuhan

perbadanan bagi maksud kawalan dan langkah pencegahan kesalahan.

"Pindaan-pindaan tunas terhadap Akta 342 in adalah reformasi yang amat penting untuk memastikan kesihatan rakyat dan kesejahteraan negara ketika berhadapan dengan ancaman penyakit berjangkit adalah sentiasa terjamin," katanya.

Rasanya tidak perlulah terlalu memikirkan perkara yang bukan-bukan kerana kerajaan sentiasa memikirkan langkah ke hadapan dalam mendepani cabaran yang mendatang bukanlah seperti apa yang anda andaikan. 

Sedia berdepan sebarang reaksi

DI laman sosial, kecoh kononnya kerajaan sengaja mahu menyusahkan hidup rakyat dengan menarik semula subsidi petrol sehinggakan ramai yang menuduh kerajaan zalim.

Memahami kritikan rakyat, kerajaan bagaimanapun bersedia berdepan reaksi awam berhubung komitmennya untuk menarik semula subsidi petrol mulai pertengahan 2025.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata kerajaan sedang mempertimbangkan sistem dua harga supaya 15 peratus golongan maha kaya (T15) dapat membayar kadar pasaran untuk petrol RON95 manakala yang lain mengikuti harga subsidi semasa.

"Kami bersedia menghadapi cabaran yang akan datang walaupun kerajaan telah meluangkan masa untuk mempersiapkan rakyat dan menjelaskan alasan berkenaan reformasi subsidi.

"Ini adalah keputusan yang mempengaruhi kehidupan semua orang," katanya dalam temu bual



PILIHAN lain adalah mengapungkan harga RON95 seperti dilakukan dengan diesel pada bulan Jun lalu.

dengan televisyen Bloomberg baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rafizi berharap, tanggungjawab kerajaan adalah untuk memastikan dapat mengurus perkara tersebut dengan baik.

"Ini adalah kebimbangan

terbesar kerajaan walaupun hanya sebahagian kecil daripada populasi akan terdedah dengan harga RON95 yang lebih tinggi.

"Adalah menjadi kelaziman ekonomi Malaysia jika berlaku kenaikan harga bahan api, kita akan melihat segalanya turut meningkat.

"Simulasinya adalah jika ada kenaikan harga, kami perlu melalui sekurang-kurangnya kitaran 12 bulan sebelum inflasi stabil semula kepada sekitar dua peratus," jelasnya.

Kerajaan menjangkakan kadar inflasi akan purata dalam lingkungan dua hingga 3.5 peratus tahun hadapan berbanding 1.5 hingga 2.5 peratus pada 2024.

Tambahnya pilihan lain adalah untuk mengapungkan harga RON95 seperti dilakukan dengan diesel pada Jun lalu dan memberikan bantuan tunai kepada mereka yang memerlukan untuk mengurangkan impak kos lebih tinggi.

"Tetapi bantuan sedemikian mungkin tidak sampai kepada semua orang memandangkan hanya 60 peratus tenaga kerja di Malaysia berada dalam sektor formal," ujarnya.

Walau bagaimanapun fokus kerajaan adalah pada reformasi subsidi dan mengoptimumkan perbelanjaan sebelum dapat mempertimbangkan membawa kembali cukai penggunaan. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26-27/10/24: Career & Education Fair 2024 @ KLCC

27/10/24: Larian Negaraku @ Dataran DBKL

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

9/11/24: Jom Gagar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

30/11/24: Ultr@ Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

25-27/10/24: Borneo Glamping Artscape 2024 @ Desaland Labuan

9/11/24: Jom Gagar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Ke arah bandar pintar

RAKYAT MESTI LEBIH INOVATIF

DIANA AMIR

INOVASI dan kreativiti memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bagi memastikan tadbir urus agensi awam dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata sudah menjadi tanggungjawab penjawat awam di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk sentiasa memberikan yang terbaik kepada warga kota.

"DBKL merupakan organisasi barisan hadapan kepada pentadbiran kerajaan di peringkat tempatan justeru, dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa mempunyai nilai tambah, kita harus menyuburkan budaya berinovasi dan berkreativiti dalam kerja-kerja seharian.

"Inovasi dan kreativiti memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bagi memastikan tadbir urus agensi awam dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa," ujar beliau ketika merasmikan Hari Inovasi dan Kreativiti DBKL 2024 di Institut Latihan DBKL pada Selasa.

Maimunah berkata dalam usaha mempromosikan bandar pintar dan pembangunan mampan serta perbandaran, negara memerlukan mereka yang bijak pandai.

"Saya membuat kenyataan di Seoul Smart City Prize baru-baru ini di mana untuk bandar pintar



MAIMUNAH (tengah) turut meluahkan masa melawat reruai-reruai.

berkembang maju, rakyat juga mesti bijak.

"Inovasi bukan sahaja gajet tetapi idea untuk menyelesaikan masalah dan cabaran tempatan. Ia boleh menjadi inovasi kumpulan dan inovasi individu," ujarnya.

Mengulas lanjut, Maimunah berkata dunia pendigitalan telah menjadi pilihan utama dalam menyalurkan perkhidmatan yang lebih efisien dan banyak aplikasi yang telah dibangunkan bagi

memudahkan warga kota untuk berurusan dengan pihak kerajaan.

"Keberanian dalam membuat perubahan untuk meningkatkan produktiviti serta melonjakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi amatlah diperlukan.

"Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengeluarkan kenyataan bahawa teknologi kecerdasan buatan (AI) berupaya menggantikan sehingga 600,000

pekerja melibatkan 10 industri penting di negara ini dalam tempoh masa lima tahun akan datang. Hal ini menunjukkan betapa besarnya impak teknologi moden yang mampu mengambil alih tugas-tugas yang lazimnya dilakukan oleh manusia.

"Teknologi AI semestinya memberi impak yang besar di dalam inovasi dan kreativiti. Rebutlah peluang untuk menguasai penggunaan AI. Jika kita mampu

menguasai teknologi AI ia secara tidak langsung dapat membantu di dalam penghasilan idea baru, reka bentuk, termasuklah memudahkan simulasi dalam menguji konsep sesuatu projek sebelum ianya dihasilkan," ujar beliau.

Jelas Maimunah inovasi juga turut dijadikan salah satu daripada enam rukun Malaysia MADANI iaitu daya cipta. Di zaman dan persekitaran yang serba kompetitif ini, kita tidak boleh berasa selesa dan berpuas hati dengan keadaan semasa sementara pihak lain berusaha untuk meningkatkan tahap produktiviti melalui pembangunan inovasi dan kreativiti.

"Dalam erti kata lain, individu mahupun organisasi yang tidak meletakkan inovasi sebagai agenda utama akan terus ketinggalan. Oleh itu, usaha harus dipertingkatkan dan digandakan bagi memastikan DBKL kekal kompetitif dan berdaya saing.

"Pihak pengurusan tertinggi DBKL akan sentiasa memberikan kerjasama dan dorongan terhadap sebarang usaha bagi mempertingkatkan daya inovasi dan kreativiti dalam kalangan kakitangan DBKL sama ada di peringkat DBKL sendiri mahupun di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Semoga segala usaha yang dilaksanakan berupaya membawa nama DBKL ke persada yang lebih tinggi dan dikenali di rantau Asia mahu pun dunia," kata beliau. 



ANTARA barisan artis yang melakukan persembahan pada malam Konsert Senandung Abadi.

Lagu rentas zaman

KONSERT Senandung Abadi tribute buat bintang legenda Allahyarham Tan Sri SM Salim dan Datuk Sharifah Aini yang berlangsung di Auditorium Panggung Bandaraya, Kuala Lumpur pada 19 Oktober lalu mendapat sambutan luar biasa daripada penonton.

Menurut Ketua Orkestra Kuala Lumpur DBKL, **Isabella Pek**, istimewanya konsert tersebut kerana sumbangan besar dua insan hebat tersebut kepada industri

muzik tanah air.

"Lagu-lagu nyanyian mereka malar segar dan merentas zaman malah sentiasa menjadi pilihan untuk dinyanyikan atau dipersembahkan semula. Biasanya orang akan cakap tujuan konsert untuk mengenang masa silam, tetapi bagi saya penting juga kita kaitkan tujuannya dengan hari ini.

"Maksud saya, kita lihat bagaimana lagu-lagu lebih

kurang 40 tahun lalu boleh menjadi relevan sehingga ke hari ini. Ini yang patut difikirkan.

"Saya tidak ada jawapannya kerana setiap orang pasti ada pendapat berbeza. Jadi dengan penganjuran konsert ini, bolehlah kita semua fikirkan," katanya.

Antara artis yang turut menjayakan konsert ini ialah Wany Hasrita, Azizul Haqim, Yasser dan Farhana. 

Cucu SM Salim terharu usaha DBKL

"**SAYA** memang tak boleh apabila bercakap pasal arwah atuk, pasti akan menangis sebab terlalu banyak kenangan," ujar cucu artis legenda, Allahyarham Tan Sri SM Salim iaitu Wahida Zamri yang tidak dapat menahan air matanya daripada jatuh.

Wahida, 39, ditemui pada Konsert Senandung Abadi tribute buat bintang legenda Allahyarham Tan Sri SM Salim dan Datuk Sharifah Aini di Auditorium Panggung Bandaraya, Kuala Lumpur pada Sabtu.

Dia yang menjadi artis jemputan untuk konsert anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengakui terharu apabila usaha mengenang semula lagu-lagu SM Salim mendapat sambutan meriah.

"Ini adalah kali pertama saya dijemput dalam program tribute buat SM Salim. Walaupun hanya menyanyikan lagu Pandang-Pandang Jeling-Jeling bersama artis-artis lain, peluang ini membuatkan saya teruja.

"Dari kecil saya selalu bersama atuk ke mana sahaja dia pergi. Boleh dikatakan

saya antara cucu yang rapat dengan beliau. Saya ingat lagi, atuk bawa saya bertemu dengan Datuk Seri Siti Nurhaliza yang berduet bersama atuk dalam lagu Pandang-Pandang Jeling-Jeling," ujarnya.

Tambahnya dia sering

mengikuti datuknya memandangkan penyanyi tersebut tidak sihat dan perlu menaiki kerusi roda.

Ditanyakan tentang pesanan SM salim yang masih diingat sehingga ke hari ini, Wahida berkata arwah memintanya untuk berhati-hati jika ingin bergelap kerana tidak

semua orang berhati baik. "Kalau boleh dia tak mahu kami ceburkan diri dalam bidang seni. Arwah cakap dia tak nak kami ditipu. Iyalah, sepanjang jadi artis, arwah pernah ditipu dari segi bayaran dan sebagainya," kongsiya. 



WAHIDA

SAYA ADA DI PULAI, TAK HILANG

MEMENANGI Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau dengan majoriti 18,641 undi tahun lalu, merupakan detik cukup berharga buat Yang Berhormat (YB) **SUHAIZAN KAYAT**.

Hal demikian kerana ia cubaan ketujuh beliau selepas tewas enam kali dalam siri pilihan raya yang pernah ditandinginya sebelum ini.

Menang di kerusi yang pernah disandang Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, Pulau menjadi saksi hidup hubungan erat antara beliau dan Allahyarham dalam menguatkan kerja-kerja parti dan isu-isu nasional.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau turut menjawab beberapa isu termasuk didakwa 'hilang' daripada radar Parlimen Pulau.

Apa punca sehingga YB didakwa 'menghilangkan diri' selepas memenangi PRK Parlimen Pulau pada 9 September 2023?

Hampir setiap masa saya berada di Pulau kecuali jika ada sidang Dewan Rakyat di Parlimen. Dan jika ada lawatan di dalam dan luar negara sahaja saya berada di luar Pulau. Hanya mereka yang tidak berada di Pulau sahaja yang mungkin menganggap saya hilangkan diri.

YB memenangi kerusi Parlimen yang pernah diwakili bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub. Mungkin ada amanat daripada Allahyarham yang menguatkan semangat YB untuk berkhidmat kepada rakyat dengan sebaik-baiknya?

Saya mengenali lebih dekat dengan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub ketika beliau membawa saya menjadi EXCO lantikan Dewan Pemuda PAS Pusat pada 2009. Hubungan saya semakin rapat semasa Allahyarham bertanding di Parlimen Pulau dan saya bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kempas pada 2013.

Kami berdua kalah dalam pilihan raya tersebut. Tahun 2018 Allahyarham menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani selepas memenangi kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum.

Saya menjadi Speaker DUN Johor. Beliau pernah nyatakan pada saya, jika saya tidak menjadi Speaker, beliau mahu saya bantu beliau di Kementerian. Akhirnya tahun 2022, Allahyarham menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan beliau melantik saya sebagai Setiausaha Politik walaupun saya tidak pernah mohon jawatan tersebut. Kepercayaan Allahyarham selama ini kepada saya menjadi penguat semangat untuk menggantikan beliau di Parlimen Pulau.

Selepas memenangi kerusi Parlimen Pulau, ramai menjangkakan YB akan dilantik menggantikan kerusi Kabinet yang kosong ekoran pemergian Allahyarham. Apa komen YB? Atau YB merasakan belum masanya

atau belum cukup kuat pengalaman untuk menjadi menteri?

Dalam AMANAH masih ramai lagi senior yang lebih utama untuk dijadikan menteri. Kepimpinan adalah suatu amanah. Kepimpinan boleh membawa penyesalan di akhirat jika tidak diuruskan dengan betul. Jika telah ada senior yang sanggup menggalas amanah negara, maka terlepaslah tanggungjawab saya.

Ia juga cubaan ketujuh YB dalam siri pilihan raya yang pernah ditandingi sebelum ini. Tapi orang kata memang kerusi itu kerusi selamat untuk YB. Komen YB? Atau inilah resipi paling baik apabila wujudnya persefahaman dan kerjasama parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan?

Sokongan Pakatan Harapan (PH) di Pulau memang tinggi selepas PRU 2018. Sokongan PH bertambah pada 2022. Perikatan Nasional (PN) pula sangat lemah di Johor. Ditambah dengan sokongan Barisan Nasional (BN) maka menjadikan kerusi Pulau adalah kerusi yang selamat. Kebetulan juga saya sudah berada di Pulau sejak 2008 maka lebih mudahlah untuk saya memahami sosiopolitik masyarakat Pulau. Ramuan inilah yang memberikan kemenangan besar dalam PRK 2022 Pulau walaupun turn out agak rendah.

YB dikritik kerana merasmikan besi penutup longkang di sebuah sekolah di Johor. Boleh YB perelaskan apa sebenarnya motif atau hikmah di sebalik perasmian yang dipersenda pembangkang itu?

Saya sebenarnya melaksanakan hasrat sekolah rendah di Perling yang telah menyediakan gimik pelancaran longkang sekolah.

Peruntukan daripada Parlimen Pulau ini besar jumlahnya melibatkan puluhan ribu untuk menutup longkang di empat blok sekolah.

Selama ini ramai pelajar terlibat dengan kemalangan.

Sebagai tanda penghargaan sekolah, saya telah dijemput di upacara perasmian yang cukup meriah melibatkan ramai pelajar sekolah. Tak molek rasanya



SUHAIZAN KAYAT ketika meninjau permasalahan dihadapi rakyat termasuk masalah perparitan di kawasan Parlimen Pulau.

untuk saya menolak ucapan terima kasih daripada pihak sekolah. Saya pun faham jika menteri yang melancarkan program ini tentulah tidak sesuai. Tetapi bagi seorang Ahli Parlimen saya fikir tiada masalah. Saya rasa pembangkang tidak faham konteks program ini menyebabkan mereka mempersendakannya.

Apa fokus utama YB di Dewan Rakyat selain membawakan isu-isu setempat bagi Parlimen Pulau?

Selain isu setempat saya akan membawa isu-isu kesihatan bersesuaian dengan jawatan saya sebagai Pengerusi Kesihatan Parlimen Malaysia. Saya terlibat dengan perbincangan penyakit berjangkit. Isu kesesakan hospital, pendigitalan hospital, cabaran kakitangan hospital, pendanaan kesihatan dan lain-lain isu kesihatan adalah menjadi keutamaan saya.

Ketika berkempen, YB menyatakan akan memberi fokus membantu menangani isu banjir kilat di beberapa kawasan di kerusi Parlimen diwakili YB. Bagaimana perkembangan usaha YB itu?

Pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah sama-sama membantu menyelesaikan masalah banjir kilat di Pulau. Contohnya di Kampung Pasir, JPS sedang melaksanakan penukaran pam automatik bernilai jutaan ringgit

untuk mengelak banjir.

Perlebaran sungai dan meninggikan tembok Sungai Melana di Tampoi Utama. Meninggikan tebing Sungai Chat untuk mengelakkan banjir di Kampung Mat Amin. Menambah kapasiti pam di muara Sungai Chat untuk memudahkan air keluar ke laut.

SWCorp telah menangkap pembuang sampah haram di tapak yang tidak dibenarkan di Kampung Tuah Jaya Perling untuk mengelak banjir kilat akibat sampah yang terlalu banyak.

Bagaimana pula dengan isu ramai anak-anak muda yang mencari pekerjaan di Singapura? Apa yang YB lihat mengenai situasi ini?

Kerajaan Malaysia dan Singapura akan menandatangani perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) pada Disember ini.

Ia akan memberi peluang 100,000 pekerjaan baru kepada anak muda. Mereka tidak perlu ke Singapura untuk bekerja. Mereka boleh kerja di Malaysia tetapi gaji setanding dengan pekerjaan di Singapura.

Jangka hayat Kerajaan Perpaduan mengikut perkiraan YB?

Jangka hayat Kerajaan Perpaduan akan panjang bergantung kepada ahli-ahli komponen yang ikhlas dan setia berkongsi kemenangan. Pada waktu ini pimpinan utama Kerajaan Perpaduan menunjukkan komitmen yang tinggi menyokong Kerajaan

Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Politik yang stabil, ekonomi yang semakin kukuh, perpaduan semakin baik dan keyakinan antarabangsa semakin meningkat.

Pertukaran hari minggu di Johor daripada Jumaat, Sabtu kepada Sabtu, Ahad. Apa isu-isu besar yang mendasari perubahan ini dilakukan?

Dalam menuju JSSEZ maka Johor perlu menyeragamkan cuti hujung minggu seperti Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Jika tidak maka Johor kehilangan hari Jumaat dan Ahad setiap minggu.

Johor hanya dapat mengembang ekonominya empat hari seminggu sahaja. Ini tiada berdaya saing. Terdapat masalah kepada keluarga yang mempunyai pasangan yang bekerja kerajaan dan swasta. Mereka hanya ada satu hari sahaja bercuti iaitu hari Sabtu. Anak-anak menjadi mangsa cuti keluarga yang berbeza.

Walau bagaimanapun terdapat sedikit kesukaran kepada anak-anak sekolah untuk bersolat Jumaat tanpa bimbingan ibu atau bapa mereka. Bagi sekolah bersama Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) perlu merangka strategi untuk mereka menjadi pembimbing anak-anak khususnya darjah satu hingga tiga dan menyediakan kenderaan yang bersesuaian pergi menunaikan solat Jumaat.

Dalam Islam juga tidak ditentukan waktu cuti hujung minggu mesti hari Jumaat sahaja. Terpulang kepada pemerintah masing-masing. 



B11285 . 25-31 OKTOBER 2024

**Saya
lepaskan
awak.**

Okay.

*bercerai
muda*

►►10-11

JAHIL ILMU RUMAH TANGGA PUNCA CERAI

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

DISANGKA panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Perumpamaan tersebut cukup menggambarkan bahawa kita sebagai manusia hanya mampu merancang namun perancangan Allah lebih sempurna. Sejak kebelakangan ini, kita disajikan dengan banyak kes perceraian baik dalam kalangan individu yang dikenali mahupun mereka yang berada di sekeliling kita.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada November 2022, sebanyak 43,934 kes perceraian dilaporkan pada 2021 dan daripada jumlah itu, lebih 23,000 kes melibatkan pasangan muda.

Pertambahan angka tersebut



MOHD YAZID

dilihat sangat membimbangkan, malah boleh mendatangkan rasa takut buat mereka yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga.

Mengulas tentang perkara tersebut, Peguam Syarie, **Mohd Yazid Sa'at** berkata kelangsungan sesebuah perkahwinan amat bergantung kepada persediaan mental, fizikal, emosi serta spiritual suami dan isteri.

"Justeru, penting bagi pengurusan dan sistem kekeluargaan yang mapan kerana corak kehidupan sebuah keluarga mampu mempengaruhi corak kehidupan sebuah masyarakat.

"Perkahwinan bukan sekadar sebagai ikatan yang sah antara lelaki dan wanita namun ia perlu

disertai dengan tanggungjawab, komitmen serta ilmu berkaitan dalam melayari kehidupan berumah tangga," ujarnya.




STATISTIK PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DI MALAYSIA, 2023

PERKAHWINAN

2022: 214,824
2021: 215,973

Bilangan perkahwinan dan kadar Perkahwinan Kasar (CMR)
Malaysia, 2016-2022



Kadar Perkahwinan Am

PENGANTIN
LELAKI

45.3

bagi setiap 1,000 penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin

PENGANTIN
PEREMPUAN

47.1

bagi setiap 1,000 penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin

Umur Penengah Perkahwinan

PENGANTIN
LELAKI

28.0
TAHUN

PENGANTIN
PEREMPUAN

27.0
TAHUN

Perkahwinan Tertinggi Pada Kumpulan Umur

25 - 29
TAHUN

bagi kedua-dua jantina

Umur Pengantin Paling Tua

PENGANTIN
LELAKI

92
TAHUN


PENGANTIN
PEREMPUAN

86
TAHUN

PERCERAIAN

2022: 62,890
2021: 43,936

Bilangan perceraian dan kadar Perceraian Kasar (CDR)
Malaysia, 2016-2022



Kadar Perceraian Am

PENGANTIN
LELAKI

8.7

bagi setiap 1,000 penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin

PENGANTIN
PEREMPUAN

8.9

bagi setiap 1,000 penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin

Umur Penengah Perceraian

PENGANTIN
LELAKI

38.0
TAHUN

PENGANTIN
PEREMPUAN

35.0
TAHUN

Perceraian Tertinggi Pada Kumpulan Umur

PENGANTIN
LELAKI

35 - 39
TAHUN

PENGANTIN
PEREMPUAN

30 - 34
TAHUN

Statistik perceraian tidak boleh dibuat perbandingan dengan statistik perkahwinan tahun semasa. Statistik perceraian adalah merujuk kepada tarikh kes selesai dengan sabitan oleh Mahkamah Syariah atau Sipil.

Nota:

Data perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2016-2020 telah dikemas kini dengan mengambil kira pendaftaran lewat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS).

Tambah beliau, perkahwinan merupakan satu akad kontrak yang dibenarkan hukum syarak bagi meraikan naluri insan dan antara objektif utamanya adalah untuk pasangan itu bersenang-senang.

"Keadaan itu memerlukan persefahaman yang wujud daripada kedua-dua belah pasangan. Namun akibat kejahilan dalam ilmu rumah tangga, sedikit kesilapan dan kelemahan pasangan terus sahaja menjadi punca yang menyemarakkan lagi api permusuhan antara pasangan.

"Akibatnya, lafaz talak dan cerai menjadi zikir harian yang akhirnya tidak dapat dipertahankan lagi dan akibatnya berlakulah talak tanpa fikiran yang rasional.

"Kalau kita perhatikan, faktor perceraian ini tidak ada perbezaan sama ada orang tua atau pasangan muda. Paling banyak adalah tiada persefahaman. Ada juga faktor lain seperti penyalahgunaan dadah, keganasan rumah tangga dan terbaru pelbagai elemen media sosial menjadi punca perceraian," ujarnya.

Beliau berkata dalam kebanyakan kes, isteri akan cuba untuk mempertahankan perkahwinan demi menjaga anak dan menunggu sehingga satu tempoh yang lama.

"Apa yang saya nampak, jika membabitkan isteri yang tidak bekerja dan bergantung kepada suami semata-mata, sang isteri sanggup mengorbankan dan mempertahankan rumah tangga demi kepentingan anak. Dia boleh berkompromi untuk satu tempoh masa tertentu dan selepas itu perkahwinan sudah tiada apa-apa," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Yazid berkata kebanyakan kes yang dirujuk kepadanya membabitkan mereka yang sudah tiada perasaan kasih sayang terhadap pasangan masing-masing.

"Antara punca utama perceraian membabitkan pasangan adalah

disebabkan perselisihan faham akibat perbezaan pendapat selain ia berlaku dalam keadaan beremosi dan mental yang tidak stabil.

"Masalah dan isu saban hari yang mereka kerap hadapi adalah tidak boleh berkomunikasi dengan baik dan perbezaan pengharapan di mana pengharapan yang tinggi selalunya diletakkan ke atas salah seorang pasangan.

"Mereka enggan berkompromi dan mencari alternatif untuk menyelesaikan isu atau masalah yang dihadapi. Isu ini kerap berlaku di antara pasangan dan ia menjadi lebih kritikal apabila keadaan dari segi emosi atau mental salah seorang pasangan atau kedua-duanya tidak stabil terutamanya membabitkan perkara yang remeh-temeh," ujarnya.

Justeru, beliau menasihatkan pasangan yang mengambil keputusan untuk bercerai agar memikirkan semasak-masaknya.

"Perkahwinan adalah satu institusi yang amat berharga dan ia memerlukan pengorbanan, keikhlasan dan kesabaran kedua-dua pihak. Namun, jika perceraian adalah jalan yang terbaik, lakukanlah dengan cara yang paling baik, menjaga maruah dan harga diri masing-masing," ujarnya.

ELAK BUKA AIB

DALAM masa sama, beliau menasihatkan agar pasangan suami isteri mengelak daripada menceritakan aib atau kekurangan masing-masing selepas berlaku perpisahan.

"Islam mengajarkan untuk melihat kebaikan dan mengingati jasa pasangan sepanjang perkahwinan. Ini kerana ketika cinta masih ada, segala kekurangan tidak dihiraukan namun ketika perasaan berubah, kekurangan yang kecil sekali pun menjadi hal yang diangkat-angkat.

"Tanpa merujuk kepada mana-mana pihak, setiap individu perlu

memberi ruang untuk masing-masing memulakan kehidupan baharu dengan cara yang lebih baik, tanpa menyimpan dendam," ujar beliau.

Tambahnya sangat penting untuk sentiasa menjaga hati anak-anak yang mungkin menjadi mangsa di atas perpisahan ibu bapa.

"Jangan sekali-kali mencederakan emosi kerana anak-anak mempunyai hak merasai kasih sayang ibu bapa. Anak-anak adalah amanah Allah dan kita wajib menjaga kebajikan mereka dengan penuh perhatian.

"Dalam menghadapi perpisahan, doa dan munajat kepada Allah adalah sandaran utama sebagai hamba-Nya. Berdoalah agar kita diberikan kekuatan, kesabaran dan petunjuk dalam melalui ujian ini," ujarnya.

TIADA MANUSIA SEMPURNA

PERKAHWINAN adalah bentuk penyatuan dua hati yang sangat dituntut dalam Islam. Menerusi hubungan inilah lelaki dan wanita mula belajar untuk berkongsi kasih sayang, pandangan, idea dan seluruh kehidupan mereka yang dulunya hanya diketahui keluarga dan kenalan rapat.

Dalam membina hubungan suami isteri, banyak perkara perlu diteliti supaya sentiasa seimbang, mewujudkan toleransi dan berpegang kepada tanggungjawab.

"Cara pasangan menyelesaikan konflik hubungan adalah faktor utama menentukan kelangsungan perkahwinan mereka. Adalah baik untuk mendapatkan bantuan kaunseling sekiranya hubungan antara pasangan menemui jalan buntu.

"Bagaimanapun, perkara yang paling penting ialah penerimaan kekurangan pasangan kerana faktor kekurangan itu yang menjadi kunci agar mereka lebih peka, saling mengerti mahupun melengkapi satu sama lain," ujarnya.

Beliau berkata penerimaan itu bukan bermaksud mengabaikan semua kelemahan dalam pasangan, tetapi menyedari tiada manusia yang sempurna di dunia ini.

"Pasangan muda wajar menghadiri kursus praperkahwinan dengan pasangan lebih tua sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum perkahwinan untuk membina persefahaman baik antara satu sama lain.

"Sekiranya pasangan bergelut untuk mengatasi perbezaan mereka ketika mengambil kursus praperkahwinan, mungkin mereka akan dinasihatkan membuat pertimbangan serius sama ada mereka perlu menyelesaikan perbezaan mereka dulu sebelum mengambil keputusan beralih ke fasa seterusnya (pertunangan atau perkahwinan)," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata peningkatan kesedaran mengenai pengurusan psikologi diri penting untuk bangkit dan bangun menjadi individu yang berupaya bertindak dengan baik dalam menguruskan tekanan.

LPPKN sedia kaunseling

MALAYSIA mencatatkan kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan keluarga muda atau perkahwinan di bawah usia 10 tahun.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Nancy Shukri**, mengambil



NANCY

kira kadar perceraian dalam kalangan perkahwinan muda yang tinggi, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) membangunkan program tambahan.

"Ia adalah *SMARTSTART 2nd Honeymoon*, iaitu program bagi memperkasa perkahwinan khusus kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun ke atas," katanya.

Mengulas lanjut, Nancy berkata dalam usaha memperkasa institusi keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui LPPKN telah memperkenalkan program bersesuaian di pelbagai fasa perkahwinan iaitu dari sebelum dan di awal perkahwinan serta seiring perkembangan keluarga.

"Bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, kursus praperkahwinan yang ditawarkan LPPKN menyasarkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta mengenai persediaan sebelum melangkah ke alam perkahwinan.

"Manakala untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, LPPKN turut menyediakan perkhidmatan berhubung perancangan keluarga dan buat pasangan yang menghadapi masalah mendapatkan anak, LPPKN menawarkan perkhidmatan rawatan kesuburan," katanya.

Tambahnya bagi golongan ibu muda pula, LPPKN menyediakan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin, MamaCare, bertujuan membantu pemulihan kesihatan mereka untuk kembali aktif termasuk kembali bekerja.

"Kita juga menawarkan program keibubapaan anak kecil, khususnya untuk membantu mereka yang kali pertama menjadi ibu bapa dalam memberi pengetahuan dan kemahiran sewajarnya.

"Kita mengetahui adat dalam perkahwinan, pasangan kadang kala mungkin berhadapan dengan pelbagai dugaan dan memerlukan khidmat sokongan keluarga, justeru LPPKN turut menyediakan khidmat kaunseling perkahwinan bagi membantu pasangan menangani konflik dan krisis rumah tangga.

"Konflik dan cabaran dalam keluarga boleh meningkat seiring perkembangan keluarga dan dalam hal ini, bagi pasangan dwi kerjaya, LPPKN turut menawarkan Kursus Keluarga@Kerja bagi membantu mereka mengimbangi keluarga dan kerjaya.

"Antara tumpuan program ini adalah gaya keibubapaan kreatif, pengurusan tekanan dan pengurusan konflik interpersonal," ujar beliau.

Nancy berkata setiap program disediakan untuk pelbagai fasa perkahwinan itu bertujuan membantu pasangan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan, ilmu, amalan terbaik, perkongsian tip dan menggalakkan sikap keterbukaan dan jujur terhadap diri dan pasangan dalam setiap fasa.

"Bagaimanapun, kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah perkahwinan tetap bergantung kepada peranan dimainkan pasangan itu sendiri.

"KPWK melalui agensinya, LPPKN akan terus komited meneruskan agenda pemerkasaan institusi perkahwinan dan keluarga menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif ke arah pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera selaras acuan masyarakat Malaysia MADANI," katanya.

Netizen jadi batu api tambah krisis

KEMELUT perceraian mahupun poligami diakui sering menimbulkan gejolak emosi tidak terkawal dalam masyarakat terutama apabila ia dilaporkan di media sosial.

Menurut penulis bebas dari Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), **Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi**, perceraian merupakan isu sensitif bukan sahaja dalam kalangan mereka yang terlibat tetapi juga dalam kalangan netizen yang sering menjadi pemerhati dan pengulas di media sosial.

"Dalam keadaan seperti ini, peranan netizen sebagai batu api atau punca ketegangan boleh menjadi lebih berbahaya daripada isu perceraian itu sendiri.

"Dalam Islam kita ditegah daripada terlibat dalam hal-hal yang tidak memberi manfaat.

"Nabi Muhammad SAW bersabda: *"Di antara tanda-tanda baiknya keislaman seseorang adalah dia meninggalkan apa yang tidak bermanfaat baginya."* (Hadith riwayat al-Tirmizi no 2317).

"Di mana mesej yang disampaikan adalah seorang Muslim yang baik tidak campur

tangan dalam perkara yang tiada manfaat. Dalam era digital ini, ramai yang tidak menyedari bahawa setiap perkataan dan komen yang dilontarkan, lebih-lebih lagi terhadap isu sensitif seperti perceraian boleh membawa kesan negatif.

"Sebagai netizen, kita perlu sedar bahawa komen atau pandangan kita, walaupun nampak kecil boleh mencetuskan api perbalahan dan persengketaan antara mereka yang terlibat," katanya.

Dzulfaidhi berkata lebih membimbangkan terdapat hadith lain yang memberi amaran keras kepada mereka yang sengaja menjadi penghasut atau batu api.

"*Tidak akan masuk syurga orang yang menjadi penghasut (batu api).*" (Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim, 6056/105).

"Hadith ini memperingatkan kita bahawa perbuatan menghasut, menyebarkan fitnah atau memecah-belahkan hubungan manusia adalah dosa besar. Dalam konteks perceraian, menyebarkan maklumat atau membuat spekulasi tanpa asas bukan sahaja mencampuri urusan orang lain, malah



DZULFAIDHI

boleh merosakkan hubungan yang sedang bermasalah, sekaligus memburukkan keadaan dan menyumbang kepada perceraian yang mungkin boleh dielakkan," katanya.

Tegasnya lagi sebagai umat Islam, kita harus sentiasa ingat adab dan tanggungjawab dalam berkata-kata sama ada dalam kehidupan harian atau di alam maya.

"Mengkritik tanpa asas, memaki atau menjadi punca perpecahan bukanlah sifat seorang Muslim yang baik. Sebaliknya, kita dituntut menjaga lidah dan tangan daripada melakukan perkara yang tidak mendatangkan kebaikan atau membawa keburukan kepada orang lain," ujarnya.

Mengulas lanjut, Dzulfaidhi berkata peningkatan kes perceraian dalam masyarakat hari ini memerlukan kita merenunginya dengan penuh kesedaran.

"Setiap rumah tangga menghadapi cabarannya sendiri dan kita sebagai netizen tidak seharusnya menambah garam pada luka.

"Setiap kali kita ingin mengulas atau memberi pandangan, tanyakan pada diri adakah ini akan membawa kebaikan atau keburukan? Jika lebih cenderung kepada keburukan, lebih baik kita berdiam diri. Dalam diam, ada hikmah dan menjaga lidah adalah kunci kepada keselamatan," katanya.


PUNCA PERCERAIAN/PERPISAHAN (PERKAHWINAN PERTAMA)

LELAKI




* Termasuk masalah kewangan, pasangan tidak bertanggungjawab, tiada zuriat, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.

WANITA



** Termasuk didera, tiada zuriat, pasangan ketagihan judi, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.



EXTREME JAM, NGSI CILIK BERAKSI

SHUAIB AYOB

PROGRAM Extreme Jam 2024 yang diadakan di Skatepark Bukit Kiara, baru-baru ini berjaya menarik kehadiran 'luar biasa' terutamanya dalam kalangan belia sekali gus menyaksikan pertandingan skateboard menjadi tumpuan utama.

Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli yang sempat beramah mesra dengan para peserta yang mengambil bahagian selain turut menyaksikan penyerahan replika cek bernilai RM30,000 kepada Kelab Patriot Skateboarding.

Lensa Wilayahku selaku media rasmi program turut berkesempatan merakam aksi ekstrem peserta cilik pada program tersebut. 





BENDANG PADI DALAM BANDAR

DIANA AMIR

MENIKMATI kedamaian suasana kampung dengan kehijauan pohon-pohon semestinya dapat menenangkan fikiran setelah hampir seminggu berada di hutan batu kerana tuntutan kerja.

Menjelang hujung minggu, pasti ramai yang mengambil peluang untuk lari sebentar dari kesesakan sambil menghirup udara segar di samping mengisi masa terluang bersama keluarga tersayang.

Tidak perlu pergi terlalu jauh, bagi anda yang berada di Lembah Klang, apa kata memanfaatkan kesempatan yang ada dengan mengunjungi Taman Warisan Pertanian Putrajaya. Sesuai dengan namanya, ia dibina bagi memelihara warisan serta pertanian di Malaysia.

Menurut Naib Presiden (Jabatan Landskap dan Taman) Perbadanan Putrajaya, **Lar Haslinda Khalid**, Taman Warisan Pertanian mempunyai empat kawasan utama yang menjadi tarikan dan salah satunya adalah tanaman padi.

Menariknya laman yang menjadi tumpuan utama pengunjung ini merupakan satu-satunya representasi bendang tradisional yang mempamerkan tumbuhan padi yang ada di Putrajaya.

"Sudah semestinya bagi mereka yang dibesarkan di kawasan bendang, lokasi ini mampu menggamit nostalgia ketika berada di kampung halaman. Di sawah ini juga terdapat beberapa arca atau bentuk haiwan yang lazimnya digunakan di bendang untuk

membajak petak sawah padi seperti kerbau penarik bajak.

"Kreativiti tradisional juga dapat digambarkan dengan adanya elemen 'orang-orang' yang bertujuan untuk menghalau burung-burung yang akan memakan padi yang hampir matang," ujar beliau.

Tambahnya bagi mendekatkan lagi pengunjung dengan suasana bendang, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan antaranya Program Menanam Padi dan Menangkap Belut yang begitu sinonim dengan kehidupan di sawah.

"Selain tanaman padi, kawasan lain yang menjadi tumpuan adalah plot getah dan rumah pekebun kecil di mana para pengunjung berpeluang menyaksikan demonstrasi menoreh pokok getah.

"Kawasan ini juga merupakan Estet Prang Besar dan tapak asli plot getah yang berusia lebih 30 tahun. Ia mempunyai keluasan lebih kurang sembilan ekar dan mempunyai 71 klon getah. Plot getah juga satu-satunya kawasan pokok getah asal yang ada di Putrajaya.

"Selain itu, kita juga mempunyai menara tinjau yang sesuai dijadikan tempat keramaian dan boleh memuatkan sehingga 300 orang pada satu masa. Pengunjung juga disajikan dengan pemandangan indah kawasan sekeliling Putrajaya," ujarnya.

Mula dibuka kepada orang ramai sejak 15 Mei 2003, Haslinda berkata taman yang berkeluasan 35 ekar ini mempunyai lebih daripada 170 pokok tumbuhan daripada pelbagai spesies.

"Antaranya pokok buah-buahan



"Kita juga menawarkan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti antaranya lawatan berpandu bagi aktiviti pendidikan dan penyelidikan, demonstrasi menoreh getah, sewaan tapak bagi penganjuran pelbagai acara dan program, penggambaran, fotografi, majlis keraian yang berskala sederhana seperti aktiviti berkelah sambutan ulang tahun, perkhidmatan *buggy* dan lain-lain," katanya.

PATUH PERATURAN

PENGUNJUNG juga dinasihatkan untuk mematuhi Peraturan Taman (Putrajaya Parks By Laws 2002 - pindaan 2023) yang merupakan peraturan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002 serta merangkumi semua kawasan Taman-taman awam, Putrajaya.

"Bagi keselesaan, akan terdapat penambahan pintu utama ke taman melalui laluan alternatif bertujuan memudahkan pengunjung untuk terus masuk ke kawasan Dusun Warisan Pertanian dan ke destinasi yang diinginkan.

"Di samping itu, penambahbaikan fasiliti seperti kerusi taman, kawasan riadah serta penghadang yang lebih banyak di kawasan lereng bukit bagi menjamin keselamatan pengunjung," ujarnya. 📍

Alamat: **Jalan P16, Presint 16, 62000 Putrajaya**

Waktu operasi: **9 pagi - 5 petang (Selasa sehingga Khamis)**
8 pagi - 5 petang (Sabtu, Ahad dan cuti umum)

Harga tiket:

Dewasa: **RM5 (MyKad), RM10 (Non MyKad)**

Kanak-kanak (7-12 tahun): **RM2 (MyKad), RM4 (Non MyKad)**

Tiket perkhidmatan *buggy*:

Dewasa: **RM5 (MyKad), RM7 (Non MyKad)**

Kanak-kanak: **RM4 (MyKad), RM6 (Non MyKad)**



BAHASA ibunda memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan semangat kebangsaan sesebuah bangsa. Dalam konteks Malaysia MADANI, kepelbagaian bahasa ibunda seperti bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil dan lain-lain adalah cerminan kekayaan warisan budaya yang unik. Oleh itu, mencintai dan memelihara bahasa ibunda bukan sahaja sekadar menghargai warisan nenek moyang, tetapi juga satu usaha untuk memupuk semangat jiwa merdeka dalam kalangan rakyat.

Sejarah kemerdekaan negara kita tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan tokoh-tokoh bahasa yang dengan gigih memperjuangkan hak untuk menggunakan bahasa ibunda dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam pendidikan dan urusan rasmi. Salah satu contoh yang paling menonjol ialah pejuang-pejuang bahasa yang berjaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Perjuangan ini adalah lambang semangat jiwa merdeka yang ingin membebaskan diri daripada pengaruh penjajah dan menegaskan identiti nasional yang berakar umbi dalam budaya dan bahasa tempatan.

Pendeta Za'ba ialah tokoh pejuang bahasa Melayu yang terkenal. Beliau seorang tokoh ilmuwan dan pejuang bahasa yang banyak menyumbang kepada perkembangan dan pemantapan tatabahasa bahasa Melayu. Beliau menulis banyak karya yang membantu memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang mempunyai sistem dan peraturan yang mantap. Karya beliau seperti Pelita Bahasa menjadi rujukan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat tokoh yang memperjuangkan bahasa Cina seperti Lim Lian Geok. Beliau dikenali sebagai Bapa Pendidikan Cina di Malaysia dan seorang pejuang yang gigih dalam memperjuangkan hak pendidikan dalam bahasa Cina di negara ini. Bagi bahasa Tamil pula, K. Thamboosamy Pillai ialah seorang tokoh penting dalam memperjuangkan pendidikan dan budaya Tamil di Malaysia. Tidak dilupakan Tun Jugah Barieng, seorang pemimpin masyarakat Iban yang disegani kerana memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan mempromosikan bahasa dan budaya Iban di Sarawak.

Tidak dapat dinafikan bahasa ibunda berfungsi sebagai alat komunikasi yang paling asas dalam kalangan masyarakat. Dengan menguasai bahasa ibunda, seseorang individu dapat berinteraksi dengan lebih efektif dan mendalam dengan ahli keluarga, rakan dan masyarakat sekeliling. Ini membantu memperkukuh ikatan sosial dan menjana rasa kebersamaan yang tinggi dalam kalangan komuniti. Lebih-lebih lagi, bahasa ibunda sering kali menjadi medium utama untuk menyampaikan nilai-nilai budaya dan tradisi, yang menjadi



BAHASA ibunda penting dalam membentuk identiti dan semangat kebangsaan.

CINTAI BAHASA IBUNDA PUPUK JIWA MERDEKA

asas kepada pembentukan identiti diri dan masyarakat.

Dalam dunia globalisasi yang serba canggih ini, terdapat kebimbangan bahawa bahasa ibunda akan semakin terpinggir, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Walaupun penguasaan bahasa asing adalah penting dalam era moden ini, namun ia tidak seharusnya mengorbankan keupayaan dan kecintaan terhadap bahasa ibunda. Justeru, usaha-usaha perlu diambil untuk memastikan bahasa ibunda terus hidup dan relevan dalam kalangan generasi akan datang.

Pendidikan memainkan peranan utama dalam usaha ini. Sistem pendidikan negara perlu menitikberatkan pengajaran bahasa ibunda dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat tertinggi. Kurikulum yang disusun haruslah bersifat inklusif dan mengiktiraf kepelbagaian bahasa ibunda yang ada di Malaysia. Selain itu, program-program kebudayaan dan kesenian yang berteraskan bahasa ibunda perlu digalakkan di peringkat sekolah dan komuniti bagi memastikan bahasa ini terus digunakan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks ini, media massa juga berperanan besar dalam mempromosikan penggunaan bahasa ibunda. Program-program televisyen, radio dan penerbitan bahan bacaan dalam bahasa ibunda harus diperbanyakkan. Malah, perkembangan teknologi digital juga boleh dimanfaatkan untuk menggalakkan penggunaan bahasa ibunda, contohnya melalui aplikasi pembelajaran bahasa, media sosial dan platform e-dagang yang menggunakan bahasa tempatan.

PELIHARA WARISAN

SEMANGAT jiwa merdeka tidak hanya terbatas kepada perjuangan menuntut kebebasan daripada penjajah, tetapi juga merangkumi usaha mengekalkan dan memperkukuh identiti nasional. Bahasa ibunda adalah komponen penting dalam identiti ini. Mencintai bahasa ibunda bermakna kita menghargai asal usul dan mengiktiraf bahawa bahasa ini adalah warisan yang perlu dipelihara dan diperkaskan.

Bahasa ibunda juga boleh menjadi alat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Melalui penggunaan bahasa ibunda masing-masing, rakyat

dapat saling memahami dan menghormati keunikan budaya yang ada. Dalam masa yang sama juga perlu menggalakkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Keharmonian antara pelbagai bahasa ibunda dan bahasa Melayu inilah yang akan menjadikan negara kita lebih kuat dan bersatu padu.

Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa merdeka, tanggungjawab untuk mencintai dan memelihara bahasa ibunda terletak di bahu kita semua. Setiap daripada kita perlu memainkan peranan, sama ada sebagai ibu bapa yang mengajar anak-anak untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda, sebagai guru yang menyemai kecintaan terhadap bahasa dalam kalangan pelajar atau sebagai individu yang aktif menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian.

Mencintai bahasa ibunda adalah satu manifestasi semangat jiwa merdeka yang sejati. Ia adalah cerminan cinta kepada tanah air, warisan dan identiti nasional. Dalam dunia yang semakin global ini, marilah kita bersama-sama memastikan bahawa bahasa ibunda kita terus hidup dan berkembang. Dengan cara ini, kita bukan sahaja memelihara

warisan nenek moyang, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan negara yang lebih kukuh, bersatu padu dan berdaulat.


Dalam masa yang sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mengetepikan bahasa Melayu malah terus memartabatkannya sepertimana yang dijelaskannya dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Ipoh, Perak, sebelum ini.

Beliau berkata pelbagai kaum di negara ini seharusnya melupakan pertelingkahan mengenai bahasa sebaliknya menguatkan iltizam dan mengambil satu pendirian serta komitmen untuk memperkasakan bahasa Melayu.

Beliau berkata pemerkasaan ekonomi sesebuah negara juga perlu seiring dengan pemerkasaan budaya dan tamadun termasuk bahasa, seni dan sastera.

Katanya Kerajaan MADANI di bawah pimpinannya akan terus komited dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu tanpa meminggir bahasa-bahasa lain.

PENULIS Dr Norfaizal Jamain merupakan Pensyarah Bahasa di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat delegasi Japan Bank for International Cooperation (JBIC) yang diketuai Pengerusi JBIC merangkap Penasihat Khas kepada Kerajaan Jepun, Tadashi Maeda. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Dasar, Tan Sri Mohd Hassan Marican.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melawat mangsa kebakaran di Program Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak.



MENTERI Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook mengadakan pertemuan bersama Presiden Saudi General Authority of Civil Aviation (GACA), HE Abdulaziz Al-Duailej, semasa ICAN 2024 di Kuala Lumpur pada Selasa.

SEMINGGU



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menghadiri Majlis Pelancaran Logo dan Tema ASEAN 2025 di Wisma Putra baru-baru ini. Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Mohammad Hasan dan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Ke-75 bagi Pasifik Barat WPRCM Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Manila, Filipina pada Selasa.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menghadiri Majlis QUEST 2024 bagi meraikan 122 penggiat industri yang berjaya meraih pencapaian cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan, kemampuan alam sekitar dan kualiti.



HANNAH dan Abdul Basir (dua kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



AZMAN (dua kiri) menyampaikan bantuan kepada penerima terpilih.

DIANA AMIR

SEBANYAK 98 keluarga masyarakat India yang menetap di Rumah Panjang Bukit Kiara menerima bantuan menjelang perayaan Deepavali, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed** berkata bantuan tersebut bagi meringankan beban penduduk yang akan merayakan Deepavali pada 31 Oktober ini.

"Kita mahu mereka menyambut perayaan ini dengan gembira tanpa perlu merisaukan perkara lain.

"Selain itu, ia bertujuan untuk mendekati masyarakat India dalam usaha mengeratkan lagi hubungan mesra dan penuh kasih sayang di antara satu sama lain," ujar beliau.

Simbol keprihatinan bersama

YWP RAI KAUM INDIA SEMPENA DEEPAVALI

Tambahnya sumbangan wang tunai berjumlah RM500 dan bakul makanan yang diberikan kepada setiap penerima disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

"YWP sentiasa berusaha membantu golongan yang memerlukan melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan akan terus memainkan peranan aktif dalam

usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk di Wilayah Persekutuan," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, seramai 500 lagi penerima bantuan diraikan YWP dalam Majlis Penyampaian Bantuan Deepavali 2024 bertempat di Auditorium Menara DBKL 1, Kuala Lumpur pada Selasa.

"Objektif utama majlis ini adalah

untuk menyediakan bantuan kewangan dan barangan kepada mereka yang terkesan agar dapat menyambut Deepavali dengan lebih bermakna," ujarnya.

Penerima yang terpilih menerima sumbangan bakul makanan serta wang tunai dengan jumlah keseluruhan bantuan bernilai RM150,000.

Pada tahun 2024, lebih daripada

100,000 penerima bantuan telah disantuni oleh YWP dengan jumlah peruntukan sebanyak RM16.3 juta yang melibatkan lima kluster utama, iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (PESAT).

Terdahulu, Majlis Penyampaian Bantuan Deepavali 2024 disempurnakan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Kayuhan bantu bekas atlet

SERAMAI 500 peserta mengambil bahagian dalam Kayuhan Mesra Amal 50 Tahun Wilayah Persekutuan yang diadakan baru-baru ini bertempat di Kuala Lumpur.

Pengarah Penganjuran, **Nor Effandy Rosli** berkata acara tersebut bagi memeriahkan sambutan 50 tahun penubuhan Wilayah Persekutuan.

"Ia juga bagi memperingati jasa bekas-bekas atlet berbasikal kebangsaan terpilih yang pernah mengharumkan nama negara namun kini memerlukan bantuan dengan menghulurkan sumbangan ikhlas.

"Aktiviti sukan dan riadah berbasikal semakin popular dan semakin mendapat tempat dari tahun ke tahun dalam kalangan penduduk di Bandar Kuala Lumpur, tidak kira tua atau muda dan melibatkan pelbagai bangsa serta pelbagai jenis basikal. Justeru itu, kita menganjurkan program berbasikal yang berkonsepkan Fun Ride Amal ini," katanya yang juga merupakan bekas atlet berbasikal negara.

Dalam pada itu, Urus Setia Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Wilayah Persekutuan dalam kenyataannya berkata acara tersebut adalah simbolik keharmonian dan perpaduan menerusi aktiviti riadah berbasikal berkonsepkan muhibah, penyatuan serta kekeluargaan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta di Kuala Lumpur bagi merayakan sambutan 50 tahun penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kayuhan Mesra Amal 50 Tahun Wilayah Persekutuan ini bermula dan tamat di Menara 1 DBKL dan telah disertai oleh lebih 500 peserta bersama-sama dengan bekas-bekas atlet berbasikal kebangsaan dengan jarak kayuhan 15 kilometer melibatkan laluan-laluan ikonik Kuala Lumpur seperti Parlimen, Tugu Negara, Taman Tasik Perdana dan Masjid Negara.

"Di samping itu, di lokasi rasmi pelepasan dan tamat kayuhan juga dimeriahkan dengan penglibatan tapak-tapak pameran dan jualan yang merangkumi kemudahan



ACARA kayuhan mendapat sambutan luar biasa.

pemeriksaan kesihatan daripada klinik atau hospital, penjualan aksesori basikal, khidmat pembaikan basikal dan klinik basikal selamat.

"Kita juga mengadakan sesi cabutan bertuah selepas tamat acara berbasikal," katanya.

Tambahnya, pihaknya turut

berterima kasih dan menghargai komitmen daripada Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) sebagai penganjur utama.

"Terima kasih juga kepada TRX City Sdn Bhd dan Malakoff Corporation sebagai rakan strategik yang turut menjayakan penganjuran

ini," ujarnya.

Terdahulu, Program Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Wilayah Persekutuan dianjurkan oleh Kelab Berbasikal Bandaraya Kuala Lumpur dengan sokongan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL.

MEMAHAMI SENI DAN ADABNYA



KU SEMAN KU HUSSAIN

ADA seseorang bertanya kepada saya, "Apa itu seni?" Saya menjawab dengan pantas, "Seperti lagu Tanah Pusaka ciptaan Ahmad Merican." Lelaki yang berdiri di depan saya itu nampak terkejut, "Oh, lagu yang menambahkan cinta saya pada negara ini."

Dia menghuraikan dengan agak panjang mengenai lagu Tanah Pusaka yang amat memukau perasaannya. Semasa berkelana dan melanjutkan pengajian di luar negara, lagu Tanah Pusaka membuatkan dia meronta-ronta untuk balik ke negara ini.

Katanya, dia seperti tidak tertahan-tahan untuk pulang menyedut keindahan dan kedamaian seperti yang diungkap dalam lirik yang disampaikan dengan melodi yang amat merdu. Dia mengakui tidak pernah menjadi begitu rindu pada tanah air hinggalah saat pertama kali mendengar lagu itu di Malaysia Hall, London.

Dia menyanyi perlahan baris lirik Tanah Pusaka dan saya menjangka sememangnya lagu itu meninggalkan kesan yang amat besar kepada jiwanya yang pernah berada jauh dari tanah air.

"Sungguh gemilang negeriku yang kupuja oh tanah airku di merata dunia harum semerbak namamu oh Malaysia."

Bagaimanapun dia seperti tidak percaya lagu Tanah Pusaka itu sebuah seni kerana dia sebenarnya tidak suka seni. Malah seni baginya bukan untuk orang sepertinya. Seni pada kefahamannya amat memeningkan, malah sengaja menyulitkan orang seperti dia faham dan ikut menikmati.

Dia memahami bahawa seni itu suatu yang menyulitkan seperti lukisan atau teater abstrak, filem-



SENIMAN menggunakan pelbagai perantara termasuk muzik untuk dinikmati orang lain.

filem yang bercorak *avant garde* dan tidak ketinggalan puisi-puisi kabur yang pernah menguasai dunia kesusasteraan tempatan tidak lama dulu. Maka, dia memprotes dengan menolak semua yang bernama seni selama-lamanya.

Bagaimanapun hakikatnya dia tidak menolak seni buktinya lagu Tanah Pusaka telah menggugah jiwanya.

Saya katakan kepadanya bahawa yang dilihat itu hanya salah satu sahaja daripada kepelbagaian bentuk atau genre dalam seni. Pada umumnya seni itu memberikan sesuatu yang indah berserta gagasan pemikiran yang amat memikat dengan syarat tidak bertentangan tuntutan agama dan norma budaya.

Bagi kita, agama dan norma budaya adalah garis yang membezakan kebebasan seni dalam

pemahaman barat dengan seni yang dipimpin dengan nilai-nilai yang menjadi amalan masyarakat, khususnya Islam. Lesen kreatif yang diagung-agungkan tetap tidak boleh merentas garis agama dan budaya.

Sekalipun begitu agak malang kerana terdapat dalam kalangan orang tempatan yang mendakwa 'orang seni' memahami seni dari kaca mata barat hingga melanggar perkara yang digariskan oleh agama dan budaya. Dalam konteks tempatan, sesuatu yang bercanggah bukanlah seni yang mesti diraikan.

Saya ulangi, seni dalam konteks kita adalah seperti lagu Tanah Pusaka yang telah berjaya menggugah jiwa dan fikirannya. Seni itu dalam lembutnya juga yang mencabar kemampuan untuk mencari makna. Lalu saya cadangkan supaya dia juga mendengar lagu Wind of Change nyanyian kumpulan rock Scorpions.

Itu juga sebuah karya seni yang baik kerana cakna terhadap peristiwa besar abad ke-20 iaitu runtuhnya Tembok Berlin pada 1989. Bukan tembok itu yang menjadi isunya, tetapi itu adalah kesan keruntuhan sistem komunisme negara-negara blok Eropah Timur.

Sebagai seorang jurutera, saya percaya dia agak kurang cakna tentang geopolitik dunia. Lalu saya terangkan yang Wind of Change itu menyambut tatabaharu dunia bebas komunisme. Bagaimanapun itu bukanlah bermakna saya memurnikan kapitalisme yang juga buruk dan manipulatif sifatnya.

INSPIRASI KEHIDUPAN

SENI adalah ekspresi kreatif yang terlahir dari fikiran, perasaan dan imaginasi yang kemudiannya dituangkan dalam bentuk yang dapat dinikmati oleh manusia lain.

Pembuat karya seni yang selalu disebut seniman itu menggunakan berbagai-bagai perantara atau medium seperti lukisan, ukiran, muzik, karya persuratan, filem dan teater.

Seni telah wujud sejak zaman purbakala, menjadi sesuatu yang melengkapkan perkembangan tamadun budaya manusia serta menggerakkan perasaan, memperkaya jiwa dan menginspirasi kehidupan. Seni juga mencerminkan keragaman konflik kesenangan, penderitaan dan keajaiban yang pernah singgah pada kehidupan manusia lain.

Akhirnya dia bertanya adakah saya 'orang seni'. Pertanyaan itu agak kelakar dan memberitahu dia bahawa saya hanya penikmat seni seperti juga kebanyakan orang lain. Hal itu bertepatan dengan sifat seni untuk dihayati oleh semua orang. Malah untuk memenuhi satu sudut di jiwa yang menempatkan ruang menikmati keindahan dan kedalaman seni.

Saya menekankan bahawa seni itu suatu inklusif terbuka untuk semua tanpa disempadani oleh darjat keturunan, agama, budaya dan garis geografi. Menjadi penikmat seni juga satu anugerah yang perlu dimanfaatkan kerana tidak semua mendapat keistimewaan itu.

Seni bukanlah sesuatu yang dimengerti oleh sebilangan kecil hanya untuk orang yang terdidik di bidangnya. Sifat seni yang sebenarnya adalah berupaya sampai kepada setiap jiwa tanpa mengerti apa-apa tentang bidang seninya. Tidak perlu bimbang untuk menikmati seni kerana ia bukan milik eksklusif golongan yang arif tentang sesuatu bidang seni.

Sebabnya seni itu berbagai-bagai, misalnya ukiran yang bermotifkan alam tumbuh-tumbuhan pada

bingkai pintu atau mimbar masjid juga adalah sebuah karya seni. Ukiran itu sebagai karya seniman yakni pengukir menghidupkan tentang alam budaya kehidupan kita, bunga-bunga atau dedaunan yang menjadi teman dalam kehidupan.

Karya-karya persuratan atau sastera kita juga sebahagian besarnya menggugah pemikiran dan menambahkan semangat untuk mendepani halangan dan cabaran kehidupan dengan pemikiran yang besar. Itu juga sebahagian karya seni yang sewajarnya ditelusuri dengan ilmu dan pemikiran.


Dalam masyarakat maju dan bertamadun tinggi, seni berada di tempat yang tinggi dan golongan yang mengerjakan karya seni dihormati kerana ketinggian seni yang diperlihatkan kepada masyarakat. Golongan seniman diberi penghormatan lebih tinggi berbanding ahli politik. Hanya di negara-negara mundur sahaja yang menjulang orang politik lebih tinggi berbanding seniman.

Keupayaan menghayati karya seni berupaya meningkatkan empati dan pemahaman terhadap budaya serta nilai-nilai yang beragam. Selainnya berpeluang memahami sudut pandangan yang berbagai-bagai, seni menerapkan pengalaman serta realiti kehidupan yang mungkin tidak pernah kita alami secara langsung.

Akhirnya saya katakan kepadanya bahawa sekarang ini sudah banyak individu dari disiplin ilmu yang jauh daripada seni bukan sahaja meminati seni, malah menghasilkan karya seni. Mereka datang dari bidang seperti kejuruteraan, perubatan, pengajian Islam dan undang-undang. Hal itu menunjukkan seni itu untuk semua dan menikmati seni adalah salah satu daripada keperluan hidup.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



ZULKIFLI SULONG

ALHAMDULILLAH, Belanjawan 2025 selamat disampaikan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah Belanjawan ketiga daripada Kerajaan Perpaduan. Pelbagai pihak membuat pelbagai ulasan dan andaian masing-masing. Ada yang pro dan sudah tentu ada yang kontra.

Bagi tauke Ayam Bismi di Kedah, Mazlina Kamarudin, Bajet 2025 adalah bajet yang mementingkan golongan berpendapatan rendah. "Tapi mommy tak berapa nampak ucapan terima kasih pun," kata Ketua Pegawai Eksekutif, Ayam Bismi menerusi Facebook beliau itu.

Sahabat saya, Dr Zulqarnain Lukman mengulas tentang tujuh perkara dalam belanjawan kali ini yang berkait dengan Islam.

Tujuh perkara yang disenaraikan Dr Zulqarnain yang mempunyai PhD dalam bidang undang-undang ini adalah:

- 1) RM100 juta untuk memacu sektor kewangan Islam bagi menghasilkan produk baharu patuh syariah tidak lagi mirip konvensional.
 - 2) RM10 juta kepada UIA dan INCEIF untuk meningkatkan kefahaman ekonomi Islam berdasarkan prinsip maqasid syariah.
 - 3) Wakaf Madani iaitu RM300 juta kepada KWAP untuk pembangunan tanah wakaf bagi membina rumah persaraan warga emas berpendapatan rendah.
 - 4) Wakaf Madani iaitu RM200 juta kepada UDA untuk pembangunan rumah mampu milik di atas tanah wakaf.
 - 5) RM25 juta untuk program pemulihan akidah dan pengurusan anak-anak yang teraniaya oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
 - 6) RM2 bilion untuk pendidikan Islam.
 - 7) RM1,620 juta bagi pembangunan industri halal.
- Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzil menyambut baik kenaikan subsidi,



ANWAR ketika pembentangan bajet di Dewan Rakyat Jumaat lalu.

MENILAI ULASAN BELANJAWAN 2025



bantuan dan insentif untuk nelayan dan pesawah sebanyak RM2.78 bilion sepertimana yang diumumkan di dalam Belanjawan 2025.

"Belanjawan 2025 tidak mengeneipkan komuniti petani, nelayan dan masyarakat luar bandar secara amnya.

"Sebagai Pengerusi LKIM, saya menyambut baik pengumuman kerajaan menaikkan peruntukan subsidi, bantuan dan insentif untuk nelayan dan pesawah kepada RM2.78 bilion," kata Faiz dalam satu kenyataan.

Bos Faiz, Datuk Seri Mohamad Sabu juga menikmati kenaikan untuk Kementerian beliau tahun ini.

Kenaikan peruntukan sebanyak 4.1 peratus untuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang membawa kepada RM6.42 bilion berbanding tahun lalu ialah cerminan komitmen kerajaan untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan dan

usaha meningkatkan produktiviti sektor agro makanan, kata Mohamad Sabu.

"Saya yakin belanjawan ini pastinya akan terus memperkukuhkan keterjaminan makanan negara selaras dengan matlamat Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

"Secara keseluruhannya, pada tahun 2025, KPKM telah diperuntukkan sebanyak RM6.42 bilion iaitu kenaikan sebanyak 4.1 peratus berbanding RM6.17 bilion pada tahun 2024," katanya.

Kenaikan gaji minimum dari RM1,500 kepada RM1,700 sebulan juga menarik perhatian pelbagai pihak bahkan menjadi perdebatan hangat di media sosial.

Ada yang kata ia sangat baik dan ada juga yang kata selepas ini akan meningkatlah kos harga barangan selepas gaji bertambah.

Namun saya nak kata satu saja, kalau kerana itu menyebabkan kos barangan akan naik, maka tidak perlulah semua orang naik gaji atau ekonomi kita berkembang kerana ia akan menyebabkan harga barang akan naik.

Cadangan kerajaan untuk menamatkan subsidi petrol Ron 95 akan menjadi kenyataan

pertengahan tahun ini. Namun, ia ditegaskan oleh Anwar, hanya 15 peratus rakyat negara ini yang dinamakan kumpulan T15 tidak akan mendapat subsidi ini. 85 peratus lagi rakyat akan kekal mendapat subsidi petrol ini. Turut tidak akan mendapat subsidi ini adalah bukan warganegara atau rakyat asing yang masuk ke negara ini.

Kumpulan T15 ini sememangnya golongan yang tidak memerlukan bantuan atau subsidi kerajaan bahkan mereka yang sewajarnya memberikan pertolongan kerana mereka adalah golongan yang dikira kaya raya.

Begitu banyak kebaikan yang dipertontonkan dalam Belanjawan 2025 ini, tetapi pihak pembangkang sebagaimana biasa memperlekehkannya.

MP Hulu Terengganu, Rosol Wahid ketika mencelah bos beliau iaitu Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin, ketika membahaskan belanjawan ini melihat istilah yang digunakan Anwar ketika membahaskan ucapan ini.

Rosol berkata perkataan KETIMBANG yang digunakan Anwar ketika membentangkan belanjawan ini bermaksud 'Ke kencing, ti-tipu

dan bang-sembang'.

Namun kasihan kepada bekas pemimpin UMNO yang melompat kepada BERSATU ini, bos beliau dengan jelas berkata beliau tidak mahu campur hal itu.

Rakan saya, Norman Radzuan mengulas panjang kenyataan Rosol ini. Bagi beliau Rosol memalukan orang Hulu Terengganu sahaja seolah-olah tidak ada isu lain yang nak dibahas tentang belanjawan ini.

"Bila kita Google mudah sahaja untuk kita temui maksud tersebut. Ketimbang itu bahasa Melayu yang popular digunakan bangsa Indonesia yang bermaksud perbandingan atau ayatnya berbanding dengan. Jadi apa isunya?," tulis Norman.

Selain ketimbang, kata Norman, Anwar menggunakan lapan lagi perkataan yang jarang kita gunakan bagi menunjukkan betapa kayanya bahasa kita ini.

Marcapada, arakian, taakul, intiha, mahsul, kesenjangan, sementelahan dan walhasil adalah perkataan yang kita jarang gunakan tetapi telah digunakan Anwar ketika membentangkan belanjawan kali ini.

Bagi seorang rakan saya yang lain, Rozol telah menyindir pemimpin beliau sendiri ketika mentafsirkan perkataan 'ketimbang' itu.

Kencing maksudnya, semua rakyat negara ini dikencing oleh Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Md Yassin apabila berkata mahu membela Melayu tetapi menggunakan jawabibawa untuk kepentingan diri, parti dan anak-beranak sendiri.

Tipu pula ditujukan Rosol kepada Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang apabila menipu rakyat kononnya PN sudah cukup jumlah untuk membentuk kerajaan selepas PRU-15 lalu.

Manakala sembang pula ditujukan Rosol kepada Ketua Pembangkang, Hamzah yang sembang kencing konon beliau tidak tahu-menahu tentang anak beliau yang menyeludup minyak masak ketika beliau menjadi menteri dahulu dan kini berdepan dengan pendakwaan.

TULISAN ini hanya pandangan penulis sahaja tidak bertujuan untuk menyakiti sesiapa kecuali yang tersakiti sendiri.

Guna parkir disediakan



Jangan ganggu merpati

MASALAH parkir di kawasan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) sering menghantui pengguna yang menggunakan khidmat pengangkutan tersebut.

Akibatnya pengguna meletak kenderaan sesuka hati di bahu jalan sekitar stesen menyebabkan laluan jalan menjadi sempit.

Kawan-kawan Kedai Kopi beri contoh di stesen LRT Depoh Gombak bagi laluan ke Putra Heights dan sebaliknya sudah dibina parkir bertingkat untuk kemudahan pengguna.

Namun ramai yang menaiki LRT di stesen Taman Melati, tidak ada kemudahan parkir khusus di sini sebelum ini menyebabkan pengguna meletak

kenderaan memenuhi bahu jalan setiap hari. Tentu sahaja berlaku kesesakan di kawasan tersebut terutama ketika hari bekerja.

Kini satu kawasan parkir berbayar yang selesa dan luas siap dibina bersebelahan stesen berkenaan namun sambutan terhadap parkir ini begitu dingin dan masih yang memarkir kereta di bahu jalan.

Mungkin faktor parkir berbayar menyebabkan mereka menjauhkan diri. Perlu diingat penyedia kemudahan membelanjakan wang untuk membina, juga menanggung kos operasi termasuk gaji pekerja. Mereka perlu duit pusingan untuk terus beroperasi. Keadaan ini harus difahami.

"**JINAK** merpati makan di tangan, jangan dikurung di sangkar hati." Ini lirik lagu Umpan Jinak Di Air Tenang yang merupakan antara puluhan lagu popular nyanyian penyanyi terkenal, Allahyarham Datuk Ahmad Jais.

Memang merpati jinak, boleh didekat tetapi jika mahu ditangkap ia lari. Haiwan ini banyak kelihatan berkerumun di beberapa lokasi tertentu di ibu kota Kuala Lumpur, juga di pusat pentadbiran negara, Putrajaya. Tetapi cuba dekati, pasti ia terbang pergi.

Kenapa merpati suka berkerumun di tempat seperti Jalan Masjid India, Kuala Lumpur dan di Putrajaya? Sebabnya orang ramai suka memberi makan. Lokasi-lokasi tertentu sudah menjadi medan merpati

bersantai cari makan kerana tahu memang orang ramai sering menabur makanan.

Kepada mereka yang baik hati memberi makan merpati, kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan agar tidak lagi berbuat demikian di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya (PPj) akan bertindak tegas terhadap sesiapa yang didapati memberi makan kepada merpati di seluruh kawasan pentadbiran PPj.

Larangan ini dibuat demi menjaga kebersihan persekitaran dan mengelakkan gangguan terhadap burung tersebut. Memetik Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud, terdapat peningkatan aduan gangguan terhadap burung merpati, di samping kawasan merpati makan jadi kotor.

Inisiatif kerajaan bawa manfaat besar

LEMBARAN BAHARU BERMULA

KHAIROL IDIN

BELANJAWAN Madani 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 18 Oktober yang lalu, mencerminkan usaha kerajaan untuk membuka lembaran baharu bagi memperkasakan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan beberapa inisiatif utama yang difokuskan kepada keselamatan, bantuan kebajikan dan kemudahan prasarana, Labuan kini berada di landasan tepat untuk menikmati manfaat yang lebih lestari dan menyeluruh.

Antara inisiatif utama dalam Belanjawan Madani 2025 adalah inisiatif meningkatkan keselamatan di Labuan Putrajaya melibatkan pemasangan 180 kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi serta 45 butang cemas.

Menurut Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), **Dr Jaludin Janteng** inisiatif tersebut mampu mempertingkatkan tahap keselamatan di kawasan awam, khususnya di sekitar pusat bandar dan lokasi strategik di pulau tersebut.

Katanya, inisiatif pemasangan kamera litar tertutup dan butang panik sangat penting untuk Labuan

memandangkan kawasan pulau tersebut adalah pusat kewangan dan transit maritim yang sibuk.

"Ini akan memberi rasa lebih selamat kepada penduduk tempatan, pelabur perniagaan, pihak berkuasa tempatan dan pelancong.

"Inisiatif yang paling mendapat perhatian penduduk Labuan adalah diskaun tambang feri sebanyak RM7 juta untuk penumpang feri dan bot. Selain itu, rakyat di pulau ini juga turut akan menikmati peningkatan bantuan kebajikan dengan kadar Bantuan Am Wilayah Persekutuan dinaikkan kepada RM150 sebulan dengan kadar maksimum keseluruhan sebanyak RM500.

"Inisiatif tersebut amat penting dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar di Labuan, terutama sekali di waktu ekonomi masih dalam proses pemulihan pasca pandemik," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Jaludin turut menyifatkan Belanjawan 2025 adalah satu belanjawan yang mahu memperkasakan golongan peniaga dan peniaga kecil melalui peruntukan RM100 juta untuk membina gerai-gerai dan membaik pulih prasarana awam di seluruh negara.

"Di Labuan, projek-projek ini



DISKAUN tambang feri sebanyak RM7 juta untuk penumpang feri dan bot mendapat perhatian penduduk Labuan.

bukan sahaja akan meningkatkan prasarana awam tetapi juga memberi peluang perniagaan yang lebih baik kepada peniaga kecil.

"Selain itu, cadangan peluasan pengecualian cukai pendapatan bagi aktiviti kewangan Islam di bawah Labuan International Business and Financial Centre merupakan langkah yang bijak dalam memperkukuh kedudukan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa.

"Inisiatif ini bukan sahaja menarik lebih banyak institusi

kewangan Islam untuk beroperasi di Labuan, malah memberikan rangsangan kepada pembangunan ekonomi Labuan.

"Pengecualian cukai ini berpotensi meningkatkan aliran masuk pelaburan dan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan sambil menjadikan Labuan sebagai destinasi utama bagi pelaburan kewangan Islam di rantau Asia.

"Secara keseluruhannya, Belanjawan Madani 2025 membawa banyak manfaat kepada Labuan, terutamanya dari aspek

keselamatan, pengangkutan dan kebajikan. Namun, adalah penting untuk kerajaan terus memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, terutama sekali dalam menyelesaikan isu-isu pengangkutan yang lebih mendalam seperti jambatan Labuan-Menumbuk.

"Penyelesaian ini perlu diutamakan bagi memastikan hubungan dan pertumbuhan ekonomi Labuan dapat digerakkan dengan lebih cepat dan cekap," ujarnya.

210 premis dipantau

SEBANYAK 210 premis perniagaan di seluruh kawasan pulau ini diperiksa secara bersemuka, dipantau dan diberikan pencerahan oleh Jabatan Kesihatan Bahagian Labuan bagi akta baharu, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (AKTA 852).

Menurut Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (Labuan), **Dr Francis Paul**, lawatan itu merupakan Operasi Penguatkuasaan Secara Pendidikan yang dilaksanakan di sekitar Labuan pada 1 Oktober lalu hingga kini.

Katanya, operasi tersebut bertujuan untuk menghebahkan kepada semua agensi berkaitan, badan profesional, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan peniaga dan pengguna serta seluruh lapisan masyarakat di Labuan khususnya supaya dapat bersama-sama memberikan sokongan dan kerjasama dalam menguatkuasakan Akta 852.

"Tiada kesalahan yang dikesan menerusi 21 operasi dengan membabitkan seramai 31 penguat kuasa dari jabatan ini dikenakan terhadap premis, sebaliknya hanya



FRANCIS (tiga dari kanan) menunjukkan sebahagian rokok ketika operasi penguatkuasaan Akta 852.

memberi amaran berbentuk literasi, pencerahan dan penjelasan.

"Sekiranya mereka masih ingkar melakukan kesalahan sama berkuat kuasa pada 1 April tahun depan, pihak kami juga turut mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan terhadap kesalahan di bawah Seksyen 16 (2) iaitu merokok di kawasan larangan merokok," katanya kepada pemberita selepas

Operasi Penguatkuasaan Secara Pendidikan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (AKTA 852) di sekitar Labuan, baru-baru ini.

Justeru itu, Francis berkata pihaknya sentiasa mengadakan hebahan dan promosi untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya tabiat merokok termasuk penggunaan rokok elektronik.

Peruntukan khusus belia

MAJLIS Belia Labuan (MBL) menyambut baik Belanjawan 2025 dalam memperkasakan golongan belia menerusi pelbagai peruntukan khususnya bagi mendepani kos sara hidup dan memperkasakan kreativiti serta potensi golongan tersebut.

Presidennya, **Nazera Roslan** berkata usaha kerajaan untuk mengembalikan Program Khidmat Negara 3.0 merupakan salah

satu inisiatif yang dinanti-nantikan oleh golongan belia khususnya di pulau ini.

Katanya, Kerajaan MADANI memperuntukkan sejumlah RM50 juta kepada Kementerian Pertahanan bagi melaksanakan program tersebut secara rintis dengan konsep yang baharu

membabitkan belia lepasan sekolah menengah.

"Jika ianya diperkenalkan semula kepada golongan belia untuk memupuk semangat jati diri mampu memberikan sesuatu pembelajaran yang baharu," katanya ketika sesi bual bicara di LABUANfm.

Selain itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM25 juta bagi Program Rakan Muda sebagai satu wadah dalam membina potensi dan identiti belia berjati diri.

"Peruntukan tersebut satu perkara yang menggembirakan kami (MBL) dan pada 2025 kita akan memperkasakan serta memperbanyakkan lagi program-program belia bagi memberikan pendedahan juga melatih belia-belia baharu," katanya.



NAZERA

Sasar pasang 500 unit stesen pengecas EV

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) menyasarkan untuk memasang 500 unit stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) di pelbagai lokasi di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu menjelang 2030.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, ketika ini, 23 stesen pengecas EV telah dipasang di beberapa lokasi manakala 27 stesen lagi menjelang akhir tahun ini.

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada rancangan pihaknya dengan kerjasama Gentari Green Mobility Sdn Bhd iaitu anak syarikat Gentari Sdn Bhd (Gentari) dalam menyokong aspirasi Putrajaya untuk menjadi bandar rendah karbon.

"Terbaru, kami telah memasang sebuah stesen EV di Taman Ekuestrian Putrajaya di kawasan tempat letak kereta berhampiran 'Eques Cabin Café'.

"Stesen pengecasan ini menyediakan kuasa aliran ulang-

alik (AC) tujuh kiloWatt (kW) yang direka untuk memenuhi keperluan pengguna EV di kawasan tersebut," katanya semasa Majlis Pelancaran Stesen Pengecas EV di Taman Ekuestrian Putrajaya.

Fadlun berkata lokasi strategik yang telah dikenal pasti untuk stesen pengecasan pada masa hadapan termasuk di Laman Perdana, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Taman Saujana Hijau, Marina Putrajaya, Putrajaya Sentral dan Kelab Tasik Putrajaya.

"Semasa mengecas, pengguna boleh menggunakan fasiliti yang tersedia di Taman Ekuestrian Putrajaya dengan menyertai aktiviti menunggang kuda atau menikmati hidangan dan minuman yang lazat di Eques Cabin Café.

"Kerjasama kami dengan Gentari adalah satu lagi contoh bagaimana Putrajaya bekerjasama dengan

pemain tenaga global untuk membangunkan kemudahan EV terkini untuk komuniti dan pengunjung di Putrajaya.

"Kami berbesar hati untuk melancarkan kemudahan terbaharu ini di Putrajaya melalui kerjasama dengan sektor swasta yang sama-sama komited untuk mempercepatkan peralihan bandar Putrajaya ke arah masa depan yang mampan," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Gentari Green Mobility, Haikal Zubir berkata pihaknya berbesar hati untuk bekerjasama dengan PPj bagi memperluaskan ketersediaan infrastruktur pengecasan EV di bandar raya pentadbiran negara.

"Kerjasama ini bukan sahaja menyokong perjalanan Putrajaya ke arah menjadi bandar rendah karbon serta menyokong matlamat Kerajaan Persekutuan untuk mempunyai kenderaan elektrik



FADLUN (tengah) ketika merasmikan Majlis Pelancaran Stesen Pengecas EV.

dalam pasaran kenderaan di Malaysia," ujarnya.

Orang ramai juga boleh menggunakan kemudahan ini dengan mudah dan lancar sebagai satu

platform tenaga bersih 'Gentari Go' yang menawarkan gaya hidup baharu kepada pelanggan melalui platform ini terus kepada pengguna.



Tarik lebih 13 juta pelawat hingga Ogos 2024

PUTRAJAYA DESTINASI CUTI-CUTI MALAYSIA

SABRINA SABRE

BERTERASKAN slogan Destinasi Putrajaya Mesti Lawat (A Must Visit Destination) serta menyahut Kempen Visit Malaysia Year 2026 (VMY2026), Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu sesi *networking* dan publisiti bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bertujuan untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan Putrajaya yang terkini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, tujuan program itu dilaksanakan adalah untuk meningkatkan imej Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan wajib dilawati serta giat mempromosikan pelancongan domestik.

"Ia juga untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam negara dan menggalakkan perkembangan sektor pelancongan merangkumi semua kluster," ujar beliau.

Fadlun berkata Putrajaya mempunyai identiti tersendiri dengan seni bina bangunan menarik, jambatan ikonik, seni bandar dan landskap yang terancang.

"Selaras dengan konsep pembangunan bandar raya dalam taman, pembangunan Putrajaya secara langsung mempunyai potensi pelancongan yang baik serta perlu dipromosi dengan strategi yang berkesan menerusi persepakatan kerjasama bersama agensi awam, swasta, komuniti serta para pengusaha pelancongan tempatan," ujarnya.

Terdahulu, seramai 50 peserta terlibat dalam program ini terdiri daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Tourism Malaysia (pelbagai bahagian), Sekretariat VMY2026 serta rakan strategik yang lain.



PESERTA ketika melakukan lawatan ke lokasi pelancongan di sekitar Putrajaya.

"Beberapa lokasi pelancongan yang telah dipilih seperti Kebun komuniti KK1 Presint 9, Laman Kelulut Taman Botani, Water Taxi, The Glasshoper, Glow Glamping, Putrajaya Adventure Park dan Swan Lake Taman Wetland.

"Sehingga Ogos 2024, jumlah pengunjung dan pelawat yang hadir ke Putrajaya adalah seramai 13,451,507.

"Peningkatan ini adalah satu pencapaian yang dapat memberi semangat kepada semua penggiat industri pelancongan Putrajaya dan motivasi kepada kami sendiri.

"Diharapkan sektor ini akan terus berkembang maju dan Putrajaya sebagai

salah satu destinasi cuti-cuti Malaysia," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan pihaknya turut menyiapkan Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 bagi memantapkan lagi hala tuju dan inisiatif serta promosi pelancongan Putrajaya.

"PPj akan sentiasa melaksanakan pelbagai promosi seperti mengadakan pameran, promosi digital selain penglibatan *influencer* dan lain-lain lagi.

"Pendekatan sebegini dapat membantu meningkatkan kerancakan sektor pelancongan dan ekonomi Malaysia serta komuniti Putrajaya," ujarnya.

Galak rakyat bersukan

BANYAK manfaat diperoleh masyarakat menerusi kehidupan aktif dengan bersukan antaranya tubuh sentiasa bertenaga dan kekal sihat.

Lantas, kehadiran 200 orang peserta menyertai Program Fit Komuniti @ Putrajaya sekali gus memberi isyarat jelas akan komitmen orang ramai untuk menjalani kehidupan sihat termasuk kepentingan dalam mengamalkan pemakanan yang sihat.

Menurut Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim, program seperti ini menjadi platform penting untuk memupuk gaya hidup sihat dan aktif serta memperlihatkan semangat kebersamaan melalui penyertaan komuniti yang luar biasa.

"Peserta disajikan dengan acara senamrobik diikuti dengan aktiviti hiking trail yang memberikan peluang kepada peserta untuk menikmati keindahan alam semula jadi.

"Program ini membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk menyertai dan mengekalkan gaya hidup sihat dan cergas.

"Mari kita teruskan usaha ini demi memastikan Putrajaya kekal sebagai negeri yang aktif, sihat dan berdaya maju," ujarnya.

Terdahulu, program tersebut turut dihadiri Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Sabran Abd Bahar dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk WP Putrajaya, Datuk Ahmad Faisal Abd Karim.

Pamer aksi cemerlang di SUKMA 2024

ATLET WIPERS TERIMA INSENTIF

SABRINA SABRE

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyampaikan keseluruhan insentif kemenangan berjumlah lebih daripada RM1.4 juta bagi meraikan kejayaan atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) yang beraksi cemerlang pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 Sarawak 2024.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, jumlah keseluruhan insentif kemenangan bagi SUKMA ke-21 yang berjumlah RM1,443,400 itu diberikan kepada 354 orang atlet, 50 orang jurulatih dan 27 orang pengurus pasukan dengan mengambil kira penambahan insentif bonus yang diumumkan beliau.

“Sukan akuatik renang menerima insentif terbesar dengan memperoleh RM200,100 apabila berjaya memenangi 16 pingat emas, lapan pingat perak dan tujuh pingat gangsa diikuti dengan sukan gimrama yang membawa pulang keseluruhan RM90,000 apabila menyapu bersih kesemua tujuh pingat emas yang dipertandingkan.

“Insentif bonus yang diberikan pada kali ini adalah berdasarkan pencapaian cemerlang kontinjen Wilayah Persekutuan yang menduduki kedudukan kedua keseluruhan sekali gus mengatasi sasaran 70 pingat emas yang diletakkan sebelum SUKMA ke-21

berlangsung,” katanya ketika Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan SUKMA ke-21 Sarawak 2024.

Terdahulu, kontinjen Wilayah Persekutuan memenangi 75 pingat emas, 65 perak dan 73 gangsa dengan keseluruhan 213 pingat di belakang tuan rumah, Sarawak yang memenangi 76 emas, 55 perak dan 70 gangsa yang muncul juara keseluruhan pada edisi ke-21 SUKMA.

Zaliha berkata atlet Wilayah Persekutuan turut memperbaharui 12 rekod temasya pada SUKMA 2024.

“Kejayaan kontinjen Wilayah Persekutuan ini sekali gus membaiki pencapaian pada SUKMA XX MSN 2022 apabila berada di tempat ketiga keseluruhan dengan 55 pingat emas, 68 pingat perak dan 64 pingat gangsa,” ujarnya.

Selain itu, beliau turut mengumumkan insentif bonus tambahan yang berjumlah antara RM300 hingga RM1,000.

“Untuk pingat emas, kita tambah lagi RM1,000, perak RM500 dan gangsa sebanyak RM300 bagi kedua-dua kategori iaitu individu dan berpasukan.

“Pada temasya kali ini, jurulatih dan juga pengurus pasukan juga menerima insentif atas kejayaan sukan. Insentif yang ditawarkan bagi jurulatih untuk kategori sukan individu dan berpasukan sebanyak RM1,000 dan acara berpasukan RM500.



ZALIHA (tengah) bersama kontinjen WiPers selepas Majlis Penyampaian Insentif SUKMA 2024.

“Pengurus pasukan pula menerima insentif RM500 bagi setiap sukan yang memperoleh pingat emas,” ujarnya.

Sebelum ini, Zaliha mengumumkan insentif habuan wang tunai berjumlah RM5,000 menanti atlet kategori individu yang memenangi pingat emas pada temasya SUKMA 2024 manakala kategori berpasukan bakal menerima imbuhan sebanyak

RM3,000 sehingga RM4,000 sebagai pembakar semangat kontinjen.

Untuk pingat perak, atlet individu bakal membawa pulang wang tunai RM2,000, RM1,000 hingga RM1,500 pula untuk atlet berpasukan manakala pemenang gangsa menerima RM1,000 dan atlet berpasukan (RM500 hingga RM700).

Dalam pada itu, perenang lelaki, Muhammad Dhuha Zulfikry yang memenangi enam pingat emas,

dua perak dan memecahkan empat rekod SUKMA yang baharu dinobatkan sebagai Atlet Lelaki Terbaik SUKMA XXI Sarawak 2024 Kontinjen Wilayah Persekutuan.

Perenang wanita, Chong Xin Lin muncul Atlet Wanita Terbaik SUKMA XXI Sarawak 2024 Kontinjen Wilayah Persekutuan atas pencapaiannya memenangi empat pingat emas, dua perak dan juga memecahkan tiga rekod temasya. 

Fokus ke Olimpik LA28

PENGLIBATAN lebih banyak pihak swasta diperlukan bagi memperkasa sukan ekstrem seperti papan selaju di negara ini berikutan acara itu sudah mendapat tumpuan di temasya sukan berprestij dunia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, **Adam Adli Abd Halim** berkata ini selaras dengan dasar Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menggiatkan aktiviti sukan selain mewujudkan peluang kerjaya dalam sektor itu.

“KBS mahu melihat atlet sukan ekstrem negara bertanding di Sukan Olimpik dan bersedia menggerakkan usaha bagi merealisasikan impian itu.

“Saya rasa terdapat keterujaan dan keinginan dalam kalangan sektor swasta untuk menggerakkan sukan ekstrem ini.

“Sukan ini semakin mencabar dan menarik minat orang ramai, saya berpendapat terdapat pasaran yang luas dalam sukan ini dan selaras dengan dasar kita memang kita perlu kerjasama



ADAM ADLI



HAIRULZAIN

daripada pihak swasta,” katanya kepada pemberita sejurus Majlis Perasmian Program Extreme Jam 2024 di Kompleks Sukan Bukit Kiara pada Sabtu.

Dalam pada itu, Adam berkata beliau berpuas hati dengan Belanjawan 2025 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memberi penekanan terhadap pembangunan sukan meskipun ia memerlukan kos yang tinggi.

“Saya rasa ini merupakan bajet yang komprehensif dalam usaha dan persediaan untuk temasya sukan, selain isu pembangunan sukan itu sendiri dan saya mengharap kerjasama daripada semua pihak untuk menyokong inisiatif ini.

“Sukan adalah mahal, namun kita perlu menyediakan yang terbaik untuk memastikan kemajuan sukan di negara kita,” ujar beliau.

Sementara itu, Presiden Patriot Skateboard Club, **Hairulzain Fauzi** berkata beliau yang terlibat dalam sukan

berkenaan perlu diasah bakat mereka selain mengenal pasti mereka yang berpotensi.

“Diharapkan sukan ini dapat merencanakan kembali aktiviti sukan ekstrem menerusi penganjuran pelbagai program dan pertandingan.

“Masa depan papan selaju di Malaysia cerah, melihat kepada lambakan bakat baharu yang muncul menghiasi arena sukan ekstrem itu ketika ini.

“Seiring dengan popularitinya berjaya menarik perhatian generasi muda, tidak mustahil suatu hari nanti Malaysia mampu melahirkan jaguhnya sendiri untuk berentap di tahap tertinggi seperti di Sukan Olimpik.

“Lazimnya sukan papan selaju atau skateboard lebih didominasi pemain dewasa kerana corak permainannya yang ekstrem tetapi hari ini kita berjaya mengumpulkan ramai atlet cilik di sini. Buktinya hampir 200 atlet papan selaju dari seluruh negara berjaya dikumpulkan dalam Program Extreme Jam 2024,” ujarnya.

Dalam masa sama, Hairulzain berkata melalui program yang dijalankan ini, ia dapat mempromosi, memperluaskan lagi industri sukan papan selaju sekali gus dapat menghasilkan impak positif kepada komuniti serta semua golongan masyarakat. 

Manfaat dana RM15 juta

MAJLIS Sukan Negara (MSN) perlu mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sebelum dapat memutuskan kaedah terbaik penggunaan peruntukan RM15 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 Jumaat lepas.

Menurut Ketua Pengarah MSN, **Abdul Rashid Yaakub**, perbincangan itu penting untuk memastikan dana berkenaan dimanfaatkan secara optimum bagi pembangunan bola sepak negara.

“Sebenarnya perjumpaan dengan FAM telah berlangsung tetapi perbincangan ini perlu dilakukan beberapa kali lagi. Bukanlah boleh jumpa selesai terus, ia satu proses yang kita perlu bincang sampai dapat muktamadkan jalan terbaik,” ujar beliau.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh sebelum ini memaklumkan peruntukan RM15 juta kepada Pasukan Harimau Malaya, Pasukan Bawah 18 dan bawah 13 tidak boleh dibelanjakan sesuka hati atau untuk pembayaran gaji.

Hannah berkata Kementerian Kewangan dan Kementerian Belia dan Sukan akan memantau penggunaan peruntukan kepada FAM bagi memastikan dana itu hanya digunakan untuk peningkatan prestasi oleh barisan kejurulatihan. 

PENGGIAT SENI LUAH SYUKUR

DEEL ANJER

PENGGIAT seni tanah air melahirkan rasa teruja dengan peruntukan sejumlah RM160 juta dalam Belanjawan 2025 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif sekali gus menyokong bakat kreatif tempatan.

Malah, terdapat penambahan RM5 juta untuk Dana Kandungan Digital (DKD) menjadikan jumlahnya meningkat sebanyak RM65 juta berbanding RM60 juta sebelum ini bagi mempromosi karya-karya terutamanya yang berteraskan semangat kenegaraan.

Hampir RM40 juta juga turut disediakan di bawah Insentif Filem di Malaysia (FIMI) bagi menyokong penerbitan filem antarabangsa di Malaysia manakala MyCreative Ventures pula menerima peruntukan RM25 juta.

Sementara itu, RM30 juta pula diperuntukkan bagi Program Belia Kreatif MADANI untuk menarik hampir 16,000 anak muda menceburi bidang seni.

Wilayahku berkesempatan menemu bual barisan selebriti popular, Datuk Afdlin Shauki, Anna Jobling dan Shah Iskandar yang melahirkan rasa bersyukur atas sokongan kerajaan terhadap bakat seni.

Bangun industri kreatif

PERUNTUKAN RM30 juta menerusi Program Belia Kreatif MADANI seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, jelas memperlihatkan sokongan kerajaan terhadap bakat seni.

Menurut Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), **Datuk Afdlin Shauki**, ia akan dapat membantu pembangunan industri kreatif.

"Usaha ini adalah satu langkah penting dalam memastikan penglibatan generasi baru dalam bidang seni dan seterusnya mencipta karya yang berkualiti.

"Sebagai Pengerusi FDAM, saya amat berbangga dengan usaha kerajaan untuk memberi tumpuan kepada generasi belia melalui Program Belia Kreatif MADANI.

"Ini bukan sahaja membuka peluang kepada belia untuk menceburi bidang seni tetapi juga memperkukuhkan lagi industri kreatif Malaysia.

"FDAM sentiasa menyokong inisiatif seperti ini kerana ia seiring dengan misi kami untuk membangunkan bakat-bakat baharu serta menyediakan platform yang kukuh bagi mereka berkembang," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam masa sama, beliau berkata inisiatif ini seiring dengan matlamat FDAM untuk memperkasa generasi muda dalam industri kreatif tanah air terutamanya dalam bidang pengarah dan penerbitan filem.

"Ini juga memberi peluang kepada kami untuk terus menyediakan latihan dan bimbingan selaras dengan visi kami. Tambahan lagi FDAM baru selesai menaja Bengkel Inkubator Pengarah Amatir FDAM 2024 pada 12 hingga 18 Oktober lalu," ujar beliau. 



Terus beri sinar

PELAKON yang sedang melebarkan sayap di Indonesia, **Anna Jobling** mengakui keprihatinan kerajaan kepada penggiat seni adalah salah satu pemangkin kemajuan industri seni.

Bagi Anna atau nama sebenarnya Anna Ellisa Gustin Jobling Abdul Rahman, 24, peruntukan tersebut dapat digunakan sebaik-baiknya demi masa depan industri kreatif.

"Sebagai anak seni, sudah tentu saya berterima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa menyokong penggiat seni. Dana yang diberikan adalah salah satu tanda sokongan untuk melihat industri ini terus berkembang.

"Tanpa sokongan dana, agak sukar untuk kita memartabatkan industri. Dengan karya yang bagus disokong oleh dana, pasti hasilnya yang terbaik. Semoga ia terus memberi sinar kepada industri.

"Kadang-kadang, ada sesetengah pihak yang ada karya bagus tetapi terbantut usahanya kerana tiada dana yang cukup. Sebab itulah, sokongan daripada kerajaan sangatlah penting," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang kerjaya, Anna tidak menafikan pencapaian dapat menembusi negara seberang adalah pengalaman termanis buatnya sebagai pelakon.

"Alhamdulillah, impian saya tercapai apabila dapat mengembangkan karier lakonan di Indonesia yang sememangnya menjadi cita-cita saya sejak dari awal pembabitan dalam dunia lakonan lagi.

"Jadi saya rasa penerimaan peminat dan penonton itu yang paling meninggalkan impak. Sangat tak percaya saya ada filem dan sebuah siri OTT dengan produksi sana. Selain itu, saya juga dapat membintangi beberapa naskhah yang sangat bagus di Malaysia," ujarnya. 

Beri peluang produksi baharu

PEMENANG Pelakon TV Lelaki Popular di ABPBH 36, **Shah Iskandar** berharap peruntukan daripada kerajaan akan memantapkan lagi industri filem Malaysia.

"Alhamdulillah, pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) perlu memilih pihak yang benar-benar berkelayakan untuk diberi sokongan. Tanpa meniadakan produksi yang memang terbukti kehebatan mereka, dalam masa yang sama, beri peluang kepada produksi yang belum ada track record filem tapi mempunyai karya yang bagus.

"Jadi bahagi dana ini sama rata kepada yang layak, dalam masa yang sama FINAS boleh terus memantau agar penggambaran filem itu memang sedang berjalan dan mengikut apa yang telah dipersetujui. Ini termasuklah melihat bagaimana mereka menjaga kualiti filem itu.

"Kualiti ini ada pelbagai aspek seperti karya, pelakon, krew dan sebagainya, perlu ditekankan agar filem yang dihasilkan boleh dibanggakan di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa," katanya.

Shah turut mengakui keprihatinan kerajaan terhadap industri kreatif ini sedikit sebanyak memberi dorongan kepada anak-anak seni untuk terus melakukan yang terbaik.

"Filem tempatan sekarang sudah ke arah peringkat lebih baik terutama dari segi penerimaan penonton. Bukan saja di Malaysia, malah di luar negara seperti Indonesia dan negara lain," ujarnya. 





Atlet WiPers
terima insentif >>22

Terus beri
sinar >>23

Clickbait mengelirukan pembeli

RISIKO PERNIAGAAN JADI HARAM

AZLAN ZAMBRY

PERNIAGAAN dalam era digital kini semakin meluas serta dilihat lebih mudah untuk menarik pelanggan dengan pelbagai kaedah yang diguna pakai salah satu taktik yang digunakan untuk menarik perhatian adalah *clickbait*.

Ia merupakan iklan, teks atau gambar yang menarik perhatian pengguna agar mereka terdorong untuk mengklik pautan terutamanya dalam media sosial ke laman web tertentu. Namun kebanyakan *clickbait* sangat mengelirukan pengguna.

Malah sesetengah jurujual sanggup mengeksploitasi peristiwa tragis dan sebagainya semata-mata untuk menarik perhatian pembeli.

Mengulas perkara tersebut, pendakwah **Ahmad Saqif Ansorullah Ahmad Jihbadz Mokhlis** berkata dalam semua aspek kehidupan termasuklah ketika menjalankan aktiviti perniagaan atau muamalah perlulah berpegang teguh kepada kejujuran dan integriti.

"Dalam Islam, menipu atau mengelirukan orang lain adalah dilarang. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 42: *"Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu, sedang kamu mengetahui"*.

"Jelas sudah penggunaan *clickbait* seperti yang kita lihat di media-media sosial adalah mengelirukan dan boleh menghakis kepercayaan antara individu dan perniagaan yang asalnya halal.

"Dalam konteks syariat Islam, amalan ini boleh dianggap sebagai penipuan. Kepercayaan adalah asas kepada hubungan yang baik dan apabila kepercayaan ini dirosakkan, ia boleh membawa kepada kesan negatif yang meluas. Rasulullah SAW bersabda: *"Barang siapa yang*

menipu kami, maka dia bukan dari golongan kami". (Hadis Riwayat Muslim)," katanya.

Menurut Ahmad Saqif, banyak taktik *clickbait* dilihat mengeksploitasi emosi manusia, terutamanya terdapat elemen ketakutan dan rasa ingin tahu terutama melibatkan peristiwa yang pernah menggemparkan negara.

"Dalam ajaran Islam, amalan ini dianggap tidak beretika kerana Islam menekankan belas kasihan dan empati. Mengeksploitasi emosi orang lain untuk keuntungan peribadi adalah bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

"Malah jika kita lihat, penggunaan *clickbait* ini sudah keterlaluan kerana sanggup menggunakan peristiwa yang mengguris hati keluarga mangsa dan ini amat tidak beretika.

"Allah berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11: *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olok kaum yang lain, boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan)"*, katanya.

Beliau berkata setiap individu khususnya pencipta kandungan mempunyai tanggungjawab besar dalam menyebarkan maklumat dalam talian malah sebagai seorang Islam, menjadi kewajiban untuk menuruti ajaran Rasulullah SAW yang mengharamkan sebarang unsur-unsur penipuan dalam muamalah.

"Dalam konteks Islam, tanggungjawab ini termasuk memastikan ketepatan dan sifat serta nilai yang beretika kandungan.

"Menyebarkan maklumat yang salah atau mengelirukan adalah dilarang. Firman Allah dalam Surah An-Nur, ayat 19: *"Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebahnya tuduhan-tuduhan yang buruk*

dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia dan di akhirat", katanya.

Menurutnya, perkembangan penggunaan *clickbait* yang mengelirukan, terutamanya yang mengeksploitasi peristiwa tragis boleh menyumbang kepada persekitaran dalam talian yang negatif dan berpotensi membahayakan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

"Ini boleh menyebabkan penyebaran maklumat palsu, ketidakpercayaan dan ketidakstabilan sosial. Dalam Islam, menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat adalah sangat penting," katanya.

Selain itu, beliau berkata setiap individu khususnya peniaga dalam talian wajib menjunjung sepenuhnya prinsip Islam yang mengawal etika perniagaan termasuk kejujuran, keadilan dan tanggungjawab sosial.

"Prinsip-prinsip ini juga terpakai kepada perniagaan dalam talian, terutamanya dari segi amalan pemasaran dan interaksi mereka dengan pengguna. Firman Allah dalam Surah Al-Mutaffifin, ayat 1-3: *"Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi"*, katanya.

Beliau berkata pemimpin agama dan masyarakat boleh memainkan peranan penting dalam menangani isu *clickbait* yang mengelirukan dan mempromosikan tingkah laku dalam talian yang beretika.

"Mereka boleh mendidik serta membimbing individu dan perniagaan tentang kepentingan kejujuran dan integriti dalam interaksi digital menerusi khutbah, ceramah dan program pendidikan," katanya.

Beliau berkata berdasarkan prinsip Islam, beberapa cadangan boleh ditawarkan untuk menangani



Minta semua berjaga2... ada batu besar jatuh dari atas bukit menghala ke Jala... [Show-mo.re](#)



TANGKAP layar sebuah hantaran yang mengelirukan dan mempunyai pautan ke platform perniagaan dalam talian. - Gambar hiasan

isu *clickbait* yang mengelirukan dan mempromosikan amalan dalam talian yang beretika.

"Pihak berkuasa perlu menyediakan garis panduan yang jelas tentang etika dalam penciptaan kandungan agar ia tidak menyentuh perkara melibatkan sensitiviti mana-mana pihak khususnya 3R.

"Kerajaan juga wajar melancarkan kempen pendidikan untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya *clickbait* serta kesan terhadap penggunaan kaedah tersebut kepada keluarga

dan mana-mana individu yang terlibat dalam sebarang peristiwa atau tragedi," katanya.

Jelas beliau, kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang dan peraturan bagi melarang penggunaan *clickbait* yang jelas mempunyai unsur mengelirukan selain bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam seperti kejujuran, integriti dan belas kasihan.

"Dengan memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip ini, kita boleh mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih positif dan beretika," katanya. 17